BIBLIOTHEEK KITLV
0068 8554







PPN 080457772X

EPIGRAFI ISLAM TERAWAL DI NUSANTARA

Sebuah lagi projek

Dermacipta

Dewan

i - 2872 -N+

EPIGRAFI ISLAM TERAWAL DI NUSANTARA

oleh
DR. OTHMAN MOHD. YATIM
dan
ABDUL HALIM NASIR

Editor:
ZAINAB KASSIM

Dewan Bahasa dan Pusataka
Kementerian Pendidikan Malaysia
Kuala Lumpur
1990

KK 370-4456 5101
ISBN 983-62-1267-1

Hakcipta terpelihara.
Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel,
ilustrasi, isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk
dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik,
fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain
sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah,
Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
Perundingan tertakluk kepada
perkiraan royalti dan honorarium.

Cetakan Pertama 1990
© Hakcipta Othman Mohd. Yatim dan Abdul Halim Nasir 1990

Diatur Huruf oleh: R&S
Rupataip Teks: Garammond
Saiz Taip Teks: 11/13 poin
PerekaBentuk: Rizz Design

Dicetak oleh
Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka
Lot 1037, Mukim Perindustrian PKNS
Ampang/Hulu Kelang
Selangor.
$30.00

Kandungan

Kata Pengantar — vii–xi
Penghargaan — xiii–xiv
Singkatan — xv

1 Pendahuluan — 1–3

2 Pengenalan Tulisan Arab Ke Nusantara — 5–9

3 Epigrafi: Bukti Sejarah Kedatangan Islam Ke Nusantara 11–15

4 Taburan Batu-batu bersurat Di Nusantara — 17–93
i. Indonesia – Aceh dan Jawa
ii. Malaysia iii. Negara Brunei Darussalam

5 Analisis Tulisan Pada Batu Bersurat — 95–105

Penutup — 107
Bibliografi — 109–114

Kata Pengantar

Fakta-fakta tentang sejarah perkembangan Islam di alam Melayu dan corak budaya Melayu Islam terkandung dalam laporan para pengembara Cina, Portugis, Arab, Belanda, Inggeris dan lain-lain. Di samping itu karya-karya kesusasteraan Melayu lama dalam bentuk manuskrip bertulis Jawi juga memberi beberapa petunjuk tentang sejarah dan kebudayaan Melayu Islam di daerah ini pada masa yang lampau. Di samping bahan-bahan di atas, terdapat sumber yang lain yang dikira amat penting dalam pengkajian sejarah dan budaya Melayu Islam di rantau ini pada masa yang lalu. Sumber yang tersebut diistilahkan sebagai epigrafi yang merupakan keterangan sejarah yang paling konkrit dan dapat bertahan lebih lama jika dibandingkan dengan bahan-bahan bertulis yang lain. Oleh sebab udara di kawasan Khatulistiwa ini tidak boleh mengekalkan bahan-bahan bertulis dengan lebih lama, kecuali batu-batu bersurat, maka kepentingan batu bersurat sangat besar ertinya untuk memberi petunjuk, khasnya tentang sejarah Islam di alam Melayu ini.

Kajian Dr Othman Mohd Yatim bersama dengan Encik Abdul Halim Nasir memperjelaskan dengan terperinci tentang kepentingan batu nisan dan batu peringatan bagi menerangkan kewujudan masyarakat Islam di alam Melayu dan tarikh tersebarnya agama yang tersebut di daerah ini. Pengalaman Dr Othman Mohd Yatim sewaktu membuat penyelidikan bagi ijazah lanjutannya dalam bidang epigrafi, saya kira banyak membantu dalam penulisan buku ini. Maka hasilnya kedua-dua penulis ini men-



dedahkan berbagai-bagai fakta yang baru yang ditemui tentang sejarah Islam di berbagai-bagai daerah di Kepulauan Melayu.

Ada ahli sejarah Islam tempatan, sama ada dari Indonesia atau Malaysia yang mengajukan teori bahawa tarikh perkembangan Islam ke Kepulauan Melayu dan Indonesia bermula sejak abad ketujuh Masihi, tetapi pendapat yang tersebut tidak disokong oleh bukti-bukti yang konkrit. Penemuan-penemuan baru yang dilakukan oleh penulis-penulis buku ini amat menarik untuk diteliti oleh para ahli sejarah bagi mengungkap kembali tentang sejarah kedatangan Islam ke rantau ini. Selama ini para ahli sejarah, khususnya sarjana dari Barat bersetuju bahawa tarikh yang terawal penyebaran Islam ke alam Melayu bermula pada abad ke-13 Masihi berasaskan kepada penemuan batu nisan di kubur sultan Pasai yang bernama Malik al-Salih yang meninggal pada tahun 1297 Masihi. Penetapan tempoh yang tersebut diambil kira kerana tarikh pengembangan Islam biasanya dihubungkan dengan pembentukan kerajaan Islam di daerah yang tertentu.

Bertolak daripada pendekatan yang tersebut, buku ini mendedahkan suatu penemuan baru tentang kewujudan sebuah kerajaan Islam di alam Melayu ini yang lebih awal daripada di Pasai. Dalam buku ini dikemukakan satu penemuan batu nisan seorang puteri sultan di Brunei yang bernama Makhdarah (Roqayah) bertarikh 1048 Masihi, iaitu satu setengah abad lebih awal daripada batu nisan di Pasai. Batu nisan yang tersebut terletak di Perkuburan Islam, Jalan Residency, Bandar Seri Begawan Brunei Darussalam. Batu nisan ini merupakan peninggalan dari puteri Sultan Abdul Majid Ibn Muhammad al-Sultan. Keterangan lain yang boleh menyokong penemuan ini tidak ditemui dalam *Tersilah Brunei,* kecuali batu-batu bersurat yang lain yang menunjukkan tentang kewujudan masyarakat Islam pada abad yang sama di Vietnam dan di Pantai Timur Semenanjung Tanah Melayu. Penemuan batu bersurat di Phangrang (Vietnam Selatan) bertarikh 1025/1039 Masihi dan satu batu

nisan di daerah Pekan Pahang yang bertarikh 1028 Masihi mungkin dapat menyokong tentang kewujudan masyarakat Islam di kawasan Timur Semenanjung Tanah Melayu dengan sebuah kesultanannya yang berpusat di Brunei. Walau bagaimanapun kajian yang lanjut perlu dilakukan oleh para sejarawan terhadap penemuan yang tersebut.

Di samping Pasai, Aceh, Melaka, Riau dan Patani, Brunei juga merupakan salah sebuah pusat Islam yang penting yang terletak di sebelah timur Kepulauan Melayu. Brunei mempunyai sebuah kesultanan yang terkemuka dan keluarga kesultanan Brunei pernah memerintah daerah di Filipina seperti kerajaan Islam di Manila. Warisan kesultanan Brunei dalam bentuk khazanah ilmu pengetahuan Islam dan kesusasteraan kini tersimpan di Muzium Brunei, Dewan Bahasa dan Pustaka dan Majlis Agama Islam Brunei. Kajian awal terhadap naskhah yang tersebut telah dilakukan oleh penulis bersama dengan Prof Madya Dr Harun Mat Piah dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Oleh itu penulis berpendapat bahawa Brunei merupakan sebuah pusat Islam yang terkemuka di kawasan Timur Kepulauan Melayu pada masa yang lalu.

Dalam buku ini diperkatakan tentang kemungkinan Islam berkembang ke Brunei melalui negeri Cina kerana Cina sudah menerima Islam sejak abad ketujuh Masihi. Keadaan ini mungkin boleh berlaku kerana mengikut pendapat ahli sejarah Brunei sudah mempunyai hubungan yang baik dengan negeri Cina sejak abad keenam hingga abad ke-15 Masihi, khususnya melalui perdagangan. Kenyataan yang tersebut didasarkan kepada penemuan beberapa kendi air yang berasal dari negeri Cina. Di samping itu Muzium Brunei juga mempunyai koleksi barang-barang porselin yang berusia tua yang berasal dari negeri Cina, termasuk bahan-bahan yang mengandungi ukiran Cina Islam.

Hubungan erat antara negeri Cina dan Brunei berdasarkan fakta-fakta di atas dan juga berdasarkan maklumat tentang kewujudan makam seorang

Sultan Brunei yang dikatakan kini terdapat di Kota Nanking. Sewaktu lawatan saya dan beberapa sarjana tempatan ke Peking pada tahun 1988, kami telah menemui Prof. Zhaou Nanjing, pengarah Institut Pengajian Asia Tenggara di Universiti Peking. Beliau memberitahu kami bahawa kini terdapat dua buah makam Islam di Nanking. Makam yang pertama kepunyaan seorang sultan dari Brunei dan yang lain seorang raja Islam dari Sulu. Nama Sultan Brunei, menurut Tun Mohamad Suffian yang melawat Republik Rakyat China pada tahun 1983 (*JMBRAS,* jil 56, 1983) ialah Maharaja Karna dan tarikh mangkatnya pada tahun 1408. Penyelidikan selanjutnya tentang makam itu perlu dilakukan, misalnya oleh Muzium Brunei.

Di samping fakta baru yang diketengahkan seperti yang di atas, penulis buku ini juga menggalurkan penemuan batu-batu bersurat di berapa daerah di kepulauan Melayu dan dihubungkan dengan fakta-fakta sejarah yang sudah bertulis. Dalam beberapa hal terdapat tinggalan-tinggalan dan bentuk batu-batu bersurat yang lengkap dengan catatan seperti yang ditemui di Kuala Berang, Terengganu dan Brunei, namun kerana tidak ada fakta sejarah yang lain, maka para, ahli sejarah menghadapi kesulitan untuk memperjelaskan tentang perkembangan sejarah di sebalik tinggalan yang tersebut. Kemungkinan pengkajian terhadap cerita rakyat atau sastera lisan yang berbentuk legenda bagi daerah-daerah yang tersebut dapat diteliti untuk mencari jawapan kepada tinggalan yang berkenaan.

Kajian lain yang menarik yang dilakukan oleh penulis buku ini ialah percubaan mereka mengguna bahan-bahan epigrafi untuk membuat analisis terhadap aliran sufi yang berkembang di beberapa daerah di Kepulauan Melayu pada masa yang lalu. Di samping itu unsur kesenian Islam juga mendapat perhatian yang serius masyarakat Islam apabila mereka mengukir batu-batu bersurat yang tersebut, sedangkan aspek seperti itu kurang dititikberatkan lagi kini.

Penulis berpendapat bahan-bahan epigrafi yang

terdapat di berbagai-bagai tempat di alam Melayu kini sedang menghadapi proses kemusnahan justeru kerana tindakan anggota masyarakat yang tidak memahami kepentingan bahan-bahan yang tersebut dan juga kurang rapi penjagaannya oleh pihak yang berkuasa. Perkara yang tersebut amat mendukacitakan. Oleh itu sudah tiba masa pihak kerajaan, khususnya birokrat yang menjaga perbelanjaan negara menyedari kepentingan bahan-bahan sejarah dan menyediakan peruntukan yang munasabah dan memelihara bahan ini. Saranan penulis buku ini supaya sebuah muzium budaya atau muzium tamadun Islam seperti yang pernah satu masa dicadangkan untuk didirikan di Malaysia dengan bantuan dari luar negeri patut difikirkan semula dengan serius. Dengan wujudnya muzium seumpama itu, maka bahan-bahan tentang sejarah Islam atau artifak budaya masyarakat di daerah ini dapat dipelihara dalam bentuk yang asal atau replika untuk menjadi bahan kajian khususnya bagi generasi yang akan datang.

Prof Madya Dr Ismail Hamid
Institut Bahasa Kesusasteraan
dan Kebudayaan Melayu
Universiti Kebangsaan Malaysia
Bangi, Selangor Darul Ehsan.



Penghargaan

Apa yang kita tulis hari ini akan menjadi warisan kita pula untuk generasi akan datang, seperti tulisan-tulisan kuno yang masih kekal hingga kini adalah ciptaan datuk nenek kita suatu masa yang lalu dan menjadi warisan kita hari ini. Di atas kesedaran ini kami telah menjalankan penyelidikan untuk menulis buku ini.

Buku ini mungkin tidak dapat disempurnakan tanpa kerjasama penuh daripada semua pihak. Kami amat terhutang budi kepada Dato' Shahrum bin Yub, ketua pengarah, Jabatan Muzium, yang telah memberi galakan dan segala kemudahan semasa kami menjalankan penyelidikan.

Penganugerahan DERMACIPTA kepada kami oleh pihak Dewan Bahasa dan Pustaka telah menjadi dorongan kepada kami untuk menyiapkan buku ini. Anugerah itu telah membolehkan kami menguruskan perjalanan ke Aceh dan tempat lain di Semenanjung bagi memperlengkap dan mengemaskini data kami untuk buku ini. Kepada Datuk Haji Hassan Ahmad, ketua pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka dan teman-teman lain di DBP, terutamanya Sdr Ayob Yamin, kami ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih.

Semasa di Aceh kami mendapat kerjasama yang sungguh menggalakkan, terutamanya daripada Sdr Drs Zakaria Ahmad, pengarah, Muzium Banda Aceh. Kepada beliau dan beberapa orang kakitangannya kami juga tidak lupa mengucapkan ribuan terima kasih kerana sumbangan mereka itu.



Ramai kawan-kawan di Muzium Negara dan di DBP terutama sekali Sdr Zainab Kassim yang menyunting buku ini sehingga sempurna, telah memberi sumbangan buah fikiran kepada kami semasa penulisan buku ini dibuat. Sdr Junaidi Abd. Rashid yang telah mengikuti kami ke Aceh dan beberapa tempat di Semenanjung ini dalam rangka tugas pengumpulan bahan-bahan telah juga membantu kami dalam kerja-kerja membuat ilustrasi dan peta lakar untuk buku ini. Sdr Mohd Mokhtar dari Muzium Sultan Abu Bakar Pekan, Pahang, juga turut memberi sumbangan. Kepada mereka semua kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih.

Pada kesempatan ini kami juga ingin merakamkan penghargaan kepada ketua pengarah Muzium Brunei Darussalam yang menyumbangkan gambar nisan bertulis yang terdapat di muzium negara itu.

Akhir sekali kepada keluarga kami yang amat mengerti akan tugas-tugas kami, kami ingin merakamkan penghargaan kami. Buku ini adalah sebagai tanda kasih sayang kami kepada mereka.

Dr Othman Mohd Yatim dan
Abdul Halim Nasir

Singkatan

BEFEO	*Bulletin de l'Ecole Francaise d'Extreme-Orient.*
BKI	*Bijdragen Tot de Taal, Land-en Volkenkunde*
BMJ	*Brunei Museum Journal*
FMJ	*Federation Museums Journal*
JFMSM	*Journal of the Federated Malay States Museum*
JMBRAS	*Journal of the Malayan/Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*
JSBRAS	*Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*
JSEAH	*Journal of the South-east Asian History*
MHJ	*Malayan Historical Journal*
MIH	*Malaysia in History*
O.V.	*Oudheidkundig Verslag*
ROC	*Rapporten van de Commissie in Nederlandsch — Indie voor Qudheidkundig Onderzoek op java en Madoera*
TBG	*Tijdscrift van het Bataviaasche Genootschap*
VKI	*Verhandelingen van het Koninklijk Instituut voor de Taal, Land-en Volkenkunde*

1 Pendahuluan



Tulisan Jawi yang mempunyai berbagai-bagai bentuk dan mengandungi pelbagai perutusan adalah bukti kewujudan dan keagungan masyarakat Melayu Nusantara, baik dari segi perhubungan mahupun dari segi penyampaian ilmu. Semua pengucapan bahasa Melayu dilahirkan pada daun-daun, batu dan juga kertas. Hampir semua bahan itu kian hari kian pupus ditelan zaman, kecuali beberapa buah batu bersurat yang masih wujud dan bertaburan di Nusantara ini. Usaha-usaha penyelamatan oleh itu perlulah dibuat segera —umpamanya dengan membuat *duplicate* (tiruan) batu-batu bersurat yang berkenaan — tulisan-tulisannya yang diistilahkan sebagai epigrafi perlu diberi perhatian sebelum bahan itu luput dan sukar dibaca. Ilustrasi dan peta taburan atau tempat letak batu-batu itu juga perlu dibuat. Bahan ini memang perlu bagi masyarakat, khususnya para penyelidik untuk memudahkan mereka membuat penyelidikan lanjut.

Bahan-bahan tersebut amat diperlukan tambahan pula mengingatkan bahawa Kuala Lumpur kini menjadi tempat tumpuan pengajian Melayu dunia. Penempatan bahan-bahan tersebut di salah sebuah institusi di Kuala Lumpur akan memudahkan para pengkaji baik pengkaji tempatan mahupun pengkaji luar negeri. Mereka tidak perlu berbelanja besar dan mengorbankan masa yang banyak untuk menjelajah ke dunia Melayu ini untuk mendapatkan bahan-bahan yang berkaitan dengan tulisan-tulisan Melayu kuno.

Dengan cara itu juga kita dapat mengekalkan

suatu tinggalan warisan budaya Melayu dan menyekat warisan tersebut daripada luput ditelan masa. Kehilangannya memang sukar dicari ganti, malah merupakan suatu kerugian yang tidak ternilai kepada bangsa Melayu kerana warisan ini mencerminkan falsafah, citarasa hidup dan kreativiti masyarakat Melayu silam. Warisan tersebut perlu dipertahankan sebagai lambang masyarakat yang berperadaban tinggi dan sebagai warisan kebanggaan masyarakat kini.

Tugas penyelamatan warisan kita ini amat berat. Tugas ini memerlukan perbelanjaan yang besar dan penglibatan yang serius daripada semua pihak. Tugas ini menimbulkan masalah disebabkan setengah-setengah warisan kita itu kini berada di negara-negara jiran yang dipisahkan oleh batas-batas geografi dan politik. Walau bagaimanapun masalah itu sedikit banyak dapat diatasi melalui hubungan diplomatik dan peribadi para penyelidik dengan negara dan individu yang berkenaan.

Dengan keterbatasan yang sedemikian rupa, apa yang dapat kami lakukan sebagai langkah permulaan ialah mengenal pasti warisan itu dan merakamkannya dalam bentuk fotografi, mengesan letaknya dengan tumpuan kepada Aceh. Pemilihan Aceh adalah kerana dipercayai Aceh adalah salah satu daerah pertama di Nusantara ini yang didatangi Islam. Lama-kelamaan pengaruhnya tersebar ke negara-negara jiran termasuk negara kita seperti yang terbukti dengan terjumpanya batu Aceh, sejenis batu nisan Islam yang terawal, dengan jumlah yang agak besar, hampir di seluruh tanahair kita.

Beberapa batu nisan atau batu bersurat berbahasa Melayu kuno yang lain telah juga ditemui di Jawa dan Brunei Darussalam, terutamanya batu bersurat yang mempunyai tarikh awal sedikit atau sezaman dengan batu Aceh. Batu-batu ini walaupun sedikit jumlahnya dibandingkan dengan batu Aceh begitu penting dari segi pentarikhan. Bentuk-bentuknya dalam kebanyakan contoh adalah bentuk-bentuk biasa atau lebih menepati bentuk *stele* atau batu peringatan, lengkap dengan hiasan. Bentuk tulisan

dengan makna yang tertentu diukir di atas batu itu. Lantaran itu kami memberi penekanan yang utama kepada batu Aceh, sebuah hasil seni ciptaan masyarakat Melayu yang amat tinggi mutunya. Batu Aceh bukan sahaja bahan sejarah yang terpenting, yang menjadi bukti bahawa dalam abad ke-13 hingga abad ke-17, di rantau ini wujud satu kesatuan yang besar dan didiami oleh satu bangsa yang besar, tunggak jiwa masyarakat Melayu Islam.

Kami memulai perbincangan dalam buku ini dengan menyorot jenis tulisan yang wujud di Nusantara ini sebelum pengenalan tulisan Jawi — kenapa tulisan itu diperlukan dan apakah kesan yang ditinggalkan setelah tulisan itu menjadi sebahagian daripada budaya Melayu. Kami mengesan batu-batu bersurat, khususnya batu-batu nisan Islam yang terawal; tulisan pada batu-batu tersebut telah digunakan sebagai media untuk merekod peristiwa (khususnya kematian) dan menyampaikan perutusan tentang falsafah yang didokong oleh sebahagian daripada anggota masyarakat ketika itu.

Kami beranggapan bahawa tulisan yang terdapat pada batu-batu bertulis yang awal ini adalah rakaman peristiwa dan mengandungi pelbagai jenis perutusan. Ini adalah hasil daripada analisis sejumlah besar batu-batu tersebut yang terdapat di seluruh Malaysia, Pattani, Brunei dan Aceh yang sempat diselidiki sejak tahun 1974.

Sebagai penyelidik kami amat menyedari betapa penting warisan-warisan itu dikekalkan dan dipelihara untuk generasi yang akan datang. Tetapi sayang, pada hakikatnya warisan-warisan itu kian hari kian pupus. Warisan tersebut pupus oleh arus pembangunan material, alam persekitaran yang mencabar, dan ada percubaan setengah-setengah negara jiran yang mahu menghapuskan warisan-warisan yang berunsur Islam. Yang menyedihkan lagi ialah warisan itu telah dimusnahkan lantaran kejahilan setengah-setengah anggota masyarakat di negara-negara Nusantara ini tentang kepentingan warisan itu. Dengan berbuat demikian kita telah mencabut akar-akar yanga dicari selama ini.

2 Pengenalan Tulisan Arab di Nusantara



Bukti-bukti sama ada dalam bentuk catatan bertulis mahupun artifak menunjukkan bahawa bahasa Melayu telah menggunakan dua jenis tulisan India sebelum tulisan Arab diperkenalkan di rantau ini. Tulisan-tulisan tersebut ialah tulisan Pallava (Sanskrit) yang diubahsuai oleh orang Jawa kepada huruf Jawi dan tulisan Nagari. Kedua-dua tulisan ini diperkenalkan oleh orang Pala dari Bengal pada kira-kira kurun kelapan Masihi.

Tidak lama selepas itu datang pula Islam. Agama ini telah banyak mempengaruhi budaya malah tidak keterlaluan jika di kata mempengaruhi tamadun masyarakat Nusantara. Antara sumbangan terbesar Islam terhadap masyarakat di Nusantara ialah pengaruhnya terhadap perkembangan bahasa Melayu. Dengan kedatangan agama Islam dan kesan pengaruhnya ke atas sosio-budaya masyarakat dan sistem kesultanan Melayu, huruf Arab dan Jawi diperkenalkan dan digunakan oleh orang-orang Melayu dalam penulisan.

Syed Muhammad Naquib al-Attas (1969: 27 — 28) berpendapat bahawa kesan dari pengaruh Islam, bahasa Melayu mengalami banyak perubahan dan perkembangan disebabkan oleh penyerapan banyak perkataan Arab dan Parsi. Sebelum ini, bahasa Melayu telah memperolehi taraf bahasa kesusasteraan dan keagamaan serta menjadi media bagi pengembangan agama serta *lingua franca,* menggantikan penggunaan bahasa Jawa yang telah lama bertapak di Nusantara ini.

Batu-batu bersurat sebelum dan yang sezaman dengan batu Aceh

Tulisan Arab telah wujud di Kepulauan Melayu — Indonesia* sebelum penduduk tempatan memeluk agama Islam mulai abad ketiga belas. Tulisan-tulisan tersebut boleh didapati di monumen termasuk batu-batu nisan di tempat-tempat yang telah dilawati dan/atau didiami oleh keluarga pedagang-pedagang serta ulama Arab dan Parsi. Monumen-monumen ini boleh didapati di sepanjang laluan perdagangan Arab di kepulauan ini sehingga ke negeri Cina.

Ahli sejarah dan ahli geografi Arab telah membuat beberapa rujukan terhadap laluan perkapalan dari negara Arab ke Cina, khususnya Canton (yang disebut 'Zaitun') pada pertengahan abad kedelapan dan kesembilan Masihi, termasuk tempat-tempat perhentian di beberapa pelabuhan di Kepulauan Melayu-Indonesia. Penemuan beberapa monumen bertulis di sepanjang laluan ini menguatkan lagi pendapat tersebut.

Dua buah batu bersurat sebelum kurun kesebelas Masihi telah ditemui di Wilayah Phan-rang, Selatan Champa, "di kawasan yang pernah dimiliki oleh orang-orang Cham iaitu satu masyarakat kuno berbangsa Malayo-Polynesia, kebanyakannya beragama Islam, mengamalkan sistem saka dan mempunyai hubungan rapat dari segi etnologi, bahasa, kebudayaan serta sejarah dengan orang-orang Melayu di Semenanjung dan di kepulauan ini". (Fatimi, 1963: 42—43) Monumen pertama ialah sebuah batu nisan dengan tulisan Arab bentuk Kufi bertarikh 1039 Masihi. Batu nisan ini terdapat di atas kubur — antara kata yang terakam: "Ahmad, anak Abu Ibrahim, anak Abu 'Arradah, yang Rahdar, nama samaran Abu Kamil, yang meninggal dunia pada

*Istilah Kepulauan Melayu-Indonesia, Nusantara, Dunia Melayu dan Asia Tenggara sering digunakan silih berganti di dalam buku ini. Istilah ini mempunyai pengertian yang sama. Kawasan geografi yang terangkum dalam istilah ini ialah Malaysia, Indonesia, Selatan Thailand, Brunei Darussalam dan Selatan Filipina. Penggunaannya ialah untuk mengelakkan pengulangan kata yang sama.

malam Khamis, 29hb Safar tahun empat ratus tiga puluh satu" (1039 Masihi). Yang kedua ialah "sebuah monumen yang telah agak rosak yang dipercayai bekas sebuah tiang tanda bertulis dengan ungkapan-ungkapan perundangan berkaitan dengan pembayaran cukai, hutang dan sebagainya". Pada batu bertulis yang pertama (batu nisan) terpahat tulisan khat yang cantik berbeza dengan tulisan yang ada pada batu bertulis yang kedua. S.Q Fatimi (1963) berpendapat bahawa tulisan Kufi pada batu-batu nisan tersebut menunjukkan hasil kerjatangan yang tinggi mutunya berbanding dengan tulisan Jawi kasar pada batu yang kedua. Ravaisse seorang penyelidik berbangsa Perancis yang disebut oleh Fatimi telah menganalisis kedua-dua tulisan tersebut dan beliau telah memberi tarikh antara tahun 1025 dan 1035 Masihi. Daripada tulisan pada batu nisan ini, Fatimi membuat kesimpulan bahawa Abu Kamil penganut Syiah.

Di negara Brunei Darussalam, sebuah batu nisan yang berukir nama orang dan tarikh matinya telah ditemui di sebuah perkuburan berhampiran Jalan Residensi, di Bandar Seri Begawan. Nisan itu menandakan kubur seorang wanita bernama Makhdarah (Roqayah) yang meninggal dunia dalam tahun 440 Hijrah (1048 Masihi). Siapakah wanita itu dan apakah kepentingannya kepada sejarah Brunei? — Jawapannya masih belum dapat dipastikan.

Sebuah lagi monumen bertulis telah ditemui di Leran, berhampiran Surabaya di Jawa Timur, iaitu sebuah batu nisan wanita Islam bernama Fatimah, bertarikh bersamaan dengan 1082 Masihi yang diukir dengan tulisan Kufi. Pada bahagian belakang batu nisan tersebut tertulis satu petikan ayat dari al-Quran (55: 26—27). Petikan ini mengandungi unsur-unsur sufi. Fatimi menggunakan nama dan tarikh pada batu nisan Leran ini sebagai bukti bahawa sejumlah besar orang Islam telah membuat penempatan di kawasan tersebut, oleh kerana seperti yang diketahui umum pedagang-pedagang awal Islam tidak pernah ditemani oleh keluarga mereka dalam pelayaran yang memakan masa yang

agak lama. Jika pedagang-pedagang ini berada pada suatu tempat dalam tempoh yang agak lama, mereka akan mengahwini wanita tempatan, setelah wanita itu memeluk Islam.

Apakah kepentingan batu-batu bertarikh ini kepada pengislaman Kepulauan Melayu-Indonesia? S.Q. Fatimi (1963:38) berpendapat bahawa "monumen-monumen awal tidak diberikan perhatian yang sepatutnya jika dibandingkan dengan keutamaan yang telah diberikan kepada batu nisan Malik as-Salih, yang lebih lewat dua ratus tahun daripadanya." Beliau membuat kesimpulan bahawa "salah satu sebab keutamaan ini ialah agama Islam sering dikaitkan dengan Empayar Islam. Keutamaan ini juga menyebabkan penyebaran Islam ke India dan perkembangannya di negeri Cina kurang diberi perhatian. Islam di Malaysia telah juga diabaikan oleh kerana agama ini tidak berjaya membentuk sebuah empayar besar seperti Umayyah, Abbasiyah atau pemerintahan Khalifah Fatimiyah atau Empayar Moghul". (Fatimi 1963: 38)

Seperti yang diutarakan oleh S.Q. Fatimi, nama-nama yang tersebut di atas tadi menunjukkan bahawa mereka bukanlah terdiri daripada penduduk tempatan. Oleh itu, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa sebelum akhir kurun ketiga belas Masihi, penduduk tempatan belum berminat untuk memeluk agama Islam beramai-ramai, jika tidak, pada perhitungan kami sudah tentu terdapat banyak batu nisan penduduk tempatan yang bertulisan Kufi.

Batu Aceh dan monumen-monumen semasa

Batu nisan pertama yang mempunyai tarikh kepunyaan seorang pemerintah Islam tempatan telah ditemui di Pasai, iaitu di makam Sultan Malik al-Salih, yang mangkat pada tahun 1297 Masihi. Pada batu nisan (yang juga digelar batu Aceh) itu terdapat ukiran nama al-Marhum serta tarikh kemangkatan baginda. Terukir juga sepotong ayat yang dipetik daripada al-Quran (50:22–24) dan sebuah puisi Sufi.



Walaupun tulisan Arab telah mula diterima oleh penduduk tempatan dan diukir pada batu-batu nisan, di tempat-tempat yang pengaruh Islam kurang diberi penekanan, batu-batu nisan masih diukir dengan tulisan Sanskrit atau tulisan Kawi, seperti yang terdapat pada batu-batu nisan yang dijumpai di Sumatera dan Jawa.

Di daerah-daerah yang agama Islam mula meninggalkan kesan kepada penduduk tempatan, tulisan-tulisan yang telah ditemui berbentuk campuran, antara bahasa Sanskrit atau Kawi atau Jawi dengan Arab, misalnya batu bersurat Terengganu bertarikh 702 Hijrah (1303 Masihi.) Umumnya, batu ini menyerupai batu yang ditemui di wilayah Phan-rang, (kecuali batu bersurat Terengganu yang terdahulu daripada itu.) Berdasarkan persamaan ini, khususnya dari segi tulisan, S.Q. Fatimi (1963: 53) mengesan asal usul Champa pada batu bersurat Terengganu. Menurutnya, "Orang-orang Melayu cuba meniru cara penulisan orang Champa apabila tinggal bersama mereka." Tulisan pada batu bersurat Terengganu dianggap oleh Russel Jones sebagai "tulisan Islam berbahasa Melayu yang pertama" dijumpai di Kepulauan Melayu — Indonesia. Walau bagaimanapun M.B. Hooker (1983: 7) berpendapat bahawa tulisan pada batu bersurat Terengganu "ditulis dalam bahasa Melayu (tulisan Arab) dan mengandungi satu jadual pendek terdiri daripada sepuluh undang-undang, sesiapa yang melanggarnya akan didenda ... kandungan undang-undang tersebut bukannya undang-undang Islam tetapi Melayu/Jawa tempatan ... bahasa yang digunakan sebahagian besarnya adalah terdiri daripada istilah Jawa dan Sanskrit."

Satu lagi contoh campuran tulisan Sanskrit dan Arab telah ditemui di sebuah makam di negara Brunei Darussalam. Pada salah satu permukaan batu nisan itu terukir huruf Arab dan di sebelahnya terukir huruf Sanskrit. Tulisan Arab berbunyi "Sulaiman bin Abdul Rahman bin Abdullah Nurullah Wafat Tahun 821 Hegira" (1418/1419 Masihi).

Di Kepulauan Melayu, satu campuran tulisan Arab dan Kawi telah ditemui pada sebuah batu nisan di Pangkalan Kempas. Casparis (1980: 2) berpendapat bahawa tulisan Jawi tersebut bertarikh 872 Hijrah (ditulis dengan lengkap sebagai delapan ratus tujuh puluh dua tahun) semasa pemerintahan Sultan Mansur Syah. Tahun itu bersamaan dengan 1467/1468 Masihi dan jatuh dalam masa pemerintahan Sultan Mansur Syah (1459—1477). Tarikh tersebut sama dengan tarikh yang terukir pada batu Aceh pertama yang ditemui di Semenanjung Malaysia, iaitu pada batu nisan Sultan Muhammad Shah I Pahang yang mangkat pada tahun 1475.

Tulisan-tulisan pada batu nisan Pangkalan Kempas itu sezaman dengan jenis nisan yang dipanggil batu Aceh tadi. Kedua-duanya menunjukkan campuran tulisan Sanskrit atau Kawi dan Arab. Kandungan tulisan-tulisan itu juga sama, mengandungi nama, tarikh kematian dan frasa yang berunsur agama.

Sebagai kesimpulannya dapat dikatakan tulisan Jawi atau tulisan Arab yang diukirkan pada batu-batu bersurat yang masih terdapat di Nusantara ini adalah satu warisan yang amat penting kepada generasi kini. Tulisan itu bukan sahaja hasil seni yang amat menarik sekaligus melambangkan ketinggian daya kreativiti datuk nenek kita pada zaman lampau.

3 Epigrafi: Bukti Sejarah Kedatangan Islam ke Nusantara

Sejak dua abad sebelum Masihi, daerah Kepulauan Melayu atau lebih dikenali sebagai Nusantara, sudah tercatat dalam sebuah peta dunia berjudul *Geograpyke* yang disusun oleh Claudius Ptolemeaus. Pada peta itu tercatat nama sebuah tempat yang disebut "Barosai", letaknya di pantai sebelah barat Pulau Sumatera. Barosai yang dicatatkan itu tidak lain daripada Barus. Kota Barus, di Tapanuli Utara, Sumatera Utara (Hasan Muarif Ambary, t.t: 62).

Barus pelabuhan yang terkenal di kalangan para pedagang asing sejak beberapa abad yang lampau, terutamanya pedagang dari tanah Arab, Parsi, India, dan Cina. Di sekitar Barus terdapat tempat pengeluaran kapur barus, barang dagangan yang sangat penting pada masa itu. Nama "Barosai" yang dicatat dalam peta kuno itu juga memang berasal daripada perkataan *barus*.

Sejak lahir agama Islam di gurun tandus Semenanjung Arab (kini Arab Saudi) dalam abad ketujuh Masihi, agama itu dengan cepat telah berkembang ke seluruh penjuru dunia. Hal ini menjadi suatu perkara yang sangat menakjubkan dan agak luar biasa dalam sejarah umat manusia. Kira-kira suku abad selepas kelahiran agama itu, Islam telah tersebar luas menjangkau keluar dari daerah Arab dan sekitarnya.

Sewaktu Islam berkembang pada abad pertama Hijrah (abad ketujuh Masihi), Nabi Muhammad S.A.W. telah mengutus seorang yang bernama Saad ibn Abi Waqqas atau Wahab bin Qabha (Kabayah)



Plat 3.1: Nisan bahagian kepala makam Sultan Malik al-Salih, mangkat pada tahun 696 Hijrah (1297 Masihi). Makam ini terletak di sisi makam cucunya, Sultan Malik al-Zahir.

ke negeri Cina, bagi memperkenalkan agama tersebut di sana. Rupa-rupanya kedatangan utusan Rasulullah itu disambut baik — agama Islam terus diterima oleh sebahagian besar penduduk Cina pada abad itu juga. Syed Muhammad Naquib al-Attas dalam bukunya yang berjudul *Preliminary Statement on the General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesia Archipelago,* berpendapat bahawa orang-orang Islam yang berpindah dari Canton pada abad pertama Hijrah (abad ketujuh Masihi) telah belayar ke selatan menuju ke kepulauan Nusantara. Tempat yang ditujui ialah Palembang dan Kedah. Jadi berdasarkan pendapat Syed Naquib al-Attas ini, kita dapat membuat kesimpulan bahawa, Palembang dan Kedah yang terletak di kepulauan Nusantara ini ketika itu sudah pun ada penduduk yang beragama Islam. Berkemungkinan juga mereka itu terdiri daripada pedagang Cina Islam atau setidak-tidaknya kita boleh beranggapan bahawa mereka mempunyai niat untuk memperkembangkan agama Islam yang mereka anuti itu kepada penduduk tempatan. Penduduk di kedua-dua tempat itu masih mengamalkan kepercayaan animisme ataupun mempunyai asas kebudayaan atau agama Hindu dan Buddha, kerana dalam abad ketujuh hinggalah ke abad kesebelas, sebahagian besar daerah Nusantara ini sangat terpengaruh dengan beberapa buah kerajaan lama yang bersifat kehinduan. Ini dibuktikan dengan wujudnya kelompok-kelompok masyarakat Islam dalam zaman kerajaan Majapahit di Jawa (Trowulan) pada abad ke-14, orang Islam bebas mengerjakan amal ibadat serta mengamalkan cara hidup Islam.

Dalam sejarah Dinasti Yuan disebutkan bahawa pada tahun 1282, dua orang utusan dari kerajaan Samudera (Pasai) yang berkunjung ke negeri Cina iaitu Hasan dan Sulaiman. Utusan itu telah berjaya mengadap Maharaja Cina. Jika catatan pengembaraan Marco Polo yang pernah melawat Samudera itu boleh dijadikan bukti, tidak syak lagi bahawa pada tarikh itu kerajaan Samudera adalah merupakan sebuah kerajaan Islam di bawah pemerintahan Sultan Malik al-Salih, iaitu Sultan Samudera yang

mangkat pada tahun 1297 Masihi. Marco Polo juga ada mencatatkan serba ringkas tentang pemerintahan Sultan Islam tersebut di dalam buku catatan pelayarannya.

Dalam tahun 1345/6 Masihi, seorang pengembara Arab bernama Ibn Battutta dalam pelayarannya kenegeri Cina telah singgah di Pasai, yang dipanggilnya *Jazirah al-Jawah*. Beliau ada menyebut nama seorang raja Islam yang bernama Malik al-Tahir (Muhammad al-Malik al-Tahir) iaitu cucu kepada Malik al-Salih.

Ibn Battutta menerangkan bahawa Sultan Malik al-Tahir ialah seorang raja yang sangat alim, gemar kepada ilmu pengetahuan Islam, dan baginda mempunyai beberapa orang alim yang memberi nasihat tentang urusan pentadbiran kerajaan supaya tidak bercanggah dengan kehendak agama Islam. Di antara orang alim itu ialah kadi Syarif Amir Sayyid dari Shiraz dan Tajal Din dari Isfahan.

Sungguhpun ada pendapat atau teori yang menganggap bahawa agama Islam sudah sampai dan dianuti oleh kelompok-kelompok masyarakat tempatan di Nusantara ini sejak abad pertama Hijrah (abad ketujuh Masihi), belum ada bukti yang konkrit bagi menyokong pendapat dan teori tersebut.

Kita bolehlah menentukan had atau sempadan bahawa abad ketujuh Hijrah (13 Masihi) merupakan

Peta 1: Kedatangan Islam ke Nusantara berdasarkan penemuan epigrafi.





Plat 3.2: Batu nisan makam Sultan Malik al-Zahir (Thahir), Kampung Manasah Beringin, Gedong, Lhoksaumawe, Aceh Utara. Pada batu nisan itu tercatat tarikh kemangkatan baginda 726 Hijrah (1326 Masihi).

Plat 3.3: Tulisan yang terdapat pada batu nisan Abu Kamil, bertarikh tahun 1039 Masihi, Phang-rang, Vietnam. Kedatangan Islam ke Asia Tenggara. Sumber Drs. Abdul Rahman al-Hamadi 1981, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Negeri Sabah.

titik awal wujud institusi kerajaan yang bercorak Islam di Nusantara ini. Kerajaan yang dimaksudkan itu tidak lain daripada kerajaan Islam Samudera (Pasai). Seperti yang dinyatakan sebelum ini orang yang bertanggungjawab menegakkan kerajaan Islam yang pertama itu ialah Sultan Malik al-Salih. Nisan yang terdapat di makamnya mencatatkan tarikh mangkatnya pada tahun 696 Hijrah (1297 Masihi). Makam itu terletak di Kampung Muenasah Beringin, Gedong, Lhoksuemawe Aceh, dahulunya pusat kerajaan Samudera (Pasai).

Penemuan beberapa buah batu bertulis di sepanjang jalan laut dari pantai Indo-China ke Terengganu mendorong beberapa sarjana mengemukakan pendapat yang menyatakan bahawa agama Islam yang tersebar di Nusantara ini berkemungkinan bermula dari arah selatan negeri Cina. Pendapat ini berdasarkan batu bersurat di Phang-rang (Vietnam Selatan) bertarikh 416/431 Hijrah (1025/1039 Masihi). Setelah itu agama Islam dibawa oleh pedagang — pendakwah, ke selatan. Setelah mengharungi laut luas iaitu Laut Cina Selatan, mereka singgah di Brunei.

Bagi memperkuat pendapat ini, di Brunei juga telah dijumpai sebuah batu nisan yang bertarikh 440 Hijrah atau bersamaan tahun 1048 Masihi. Pada batu nisan itu tercatat nama seorang wanita iaitu Makhdarah dan di bahagian bawahnya tertulis "Sultan Abdul Majid Ibni Muhammad Shah al-Sultan".

Menurut salasilah kesultanan Brunei, Sultan Brunei yang pertama beragama Islam ialah Sultan Muhammad yang naik takhta kerajaan pada akhir abad ke-14. Sebelum memeluk agama Islam, baginda dikenali dengan nama Awang Alak Betatar. Kronikal *Sung Lien* (Abdul Latif Hj. Ibrahim, "Penemuan batu nisan bertarikh 440 Hijrah [1048 Masihi] di Brunei", *Dewan Budaya,* Disember 1979, hlm 6) ada menyebut tentang seorang raja dari PO-NI (Brunei) yang bernama Ma-Ho-Ma Sh ah. Sebutan itu hampir sekali dengan nama Muhammad Shah.

Plat 3.4: Kata bahasa Melayu bertarikh 1100H. yang ditulis Jawi tercatat (terpahat) pada sebuah batu nisan yang ditemui di Lombongan, Negara Brunei Darussalam. Dengan ihsan Jabatan Muzium Brunei.

Plat 3.5: Batu nisan yang dijumpai di kawasan perkuburan Residency, berdekatan dengan bandar Seri Begawan, negara Brunei Darussalam, bertarikh 836 H Tertulis dalam tulisan Jawi berbahasa Melayu. Dengan ikhsan Jabatan Muzium Brunei.



Plat 3.6: Batu nisan ini dijumpai pada makam yang terletak di kawasan Muzium Brunei, Kota Batu, bertarikh tahun 830 Hijrah (1426 Masihi) Batu nisan ini tertulis dalam tulisan Jawi berbahasa Melayu. Dengan ihsan Muzium Brunei.

Selain batu nisan yang bertarikh 440 Hijrah, ada beberapa perkuburan tua lagi di negara Brunei Darussalam yang perlu diselidiki dengan lebih mendalam lagi, umpamanya di kompleks perkuburan Islam Ranggas yang terletak di pinggir Bandar Seri Begawan. Di situ telah dijumpai sebuah batu nisan bertulisan Cina, bertarikh 1264 Masihi. Pada batu nisan itu juga tercatat nama Tuan Pu. Menurut kajian-kajian yang dibuat oleh para penyelidik sejarah Brunei, seperti Saudara Haji Abdul Latif Ibrahim, dari Pusat Sejarah Brunei, Saudara Awang Matasim Haji Jibah dan Saudara Haji Matusin Omar dari Muzium Brunei, kedua-dua batu nisan tersebut adalah artifak yang tertua ditemui dalam sejarah kesultanan raja-raja Islam di Brunei, khususnya, dan di Nusantara amnya.

Selain dua buah batu nisan tersebut yang tarikhnya lebih awal daripada tarikh batu bersurat Terengganu, di negara Brunei Darussalam terdapat beberapa buah perkuburan Islam yang berusia sangat tua seperti perkuburan Kampung Limbungan, di pinggir bandar Seri Begawan yang bertarikh 848 Hijrah (1444 Masihi), dan sebuah lagi yang bertarikh 821 Hijrah (1418 Masihi), makam Sulaiman bin Abdul Rahman di Bukit Tanjung, bertarikh 821 Hijrah (1418 Masihi) dan beberapa buah makam lagi.

Di Kampung Permatang Pasir, Pekan, Pahang telah ditemui sebuah makam yang bertarikh 419 Hijrah (1028 Masihi), tarikh ini juga tidak jauh bezanya dengan tarikh batu nisan di Brunei (1048 Masihi). Di Jawa, terdapat sebuah batu nisan tua bertarikh pada tahun 493 Hijrah (1082 Masihi). Nisan ini dikenali sebagai makam Fatimah binti Maimun, terletak di Leran berhampiran Gerisek. Bukti-bukti ini memperlihatkan dengan jelas bahawa agama Islam telah mula bertapak di setengah-setengah tempat di Nusantara ini sejak awal kurun kesebelas lagi — hampir tiga ratus tahun terdahulu daripada tarikh batu bersurat Terengganu yang dianggap sebagai bukti paling awal kedatangan Islam ke Malaysia.

4 Taburan Batu-batu Bersurat di Nusantara

Epigrafi Islam di Indonesia – Aceh dan Jawa

Untuk mendapatkan bukti-bukti yang lebih nyata dan jelas bagaimana dan bila agama Islam sampai ke Nusantara ini, lebih bermanfaat jika kita mengalih perhatian terhadap satu bentuk peninggalan sejarah yang dapat membantu usaha penulisan semula sejarah kedatangan Islam ke Nusantara ini. Peninggalan bahan sejarah yang dimaksudkan ini ialah epigrafi Islam, sama ada dalam bentuk batu bersurat ataupun batu nisan yang dipasangkan di perkuburan atau makam orang Islam. Memang tidak dapat dinafikan bahawa bukti penulisan sejarah Islam di Nusantara ini sebahagian besarnya berdasarkan apa yang tersurat dan tersirat pada beberapa buah batu berukir berusia tua yang telah dijumpai, umpamanya batu bersurat Terengganu, batu nisan Malik al-Salih, dan sebagainya.

Ada baiknya jika disenaraikan di sini batu-batu bersurat yang telah dijumpai di beberapa tempat di seluruh Nusantara ini. Jumpaan-jumpaan bukti epigrafi yang berusia tua itu dapat memperjelas bahawa daerah-daerah jumpaan itu sepertimana yang akan disebutkan nanti daerah pertama agama Islam bertapak. Dari daerah-daerah itulah kemudian agama Islam berkembang ke seluruh Nusantara, sama ada melalui pendakwah atau mubaligh ataupun oleh dasar pemerintahan tradisi yang berlandaskan peraturan agama Islam.

Di hujung sebelah barat Nusantara, menganjur sebuah pulau yang besar, disebut pulau Sumatera atau dahulunya disebut Pulau Perca. Di bahagian utara pulau itu terdapat sebuah daerah yang se-

Plat 4.1: Masjid Indera Puri di Aceh, salah sebuah masjid tertua di Nusantara.

karang ini dikenali sebagai Provinsi Wilayah Istimewa Aceh, ke selatan sedikit ialah Provinsi Sumatera Utara. Kedua-dua daerah ini sering dikaitkan dengan kedatangan Islam ke Nusantara.

Islam datang ke Nusantara dari tanah Arab, sama ada secara langsung dari tanah Arab melalui Parsi ataupun Gujarat. Pengembang agama itu (pedagang, mubaligh, ahli Sufi?) terlebih dahulu singgah di Aceh dalam perjalanan pergi-balik Timur-Barat. Semasa menunggu peralihan angin, Islam disebarkan. Kemudian Islam disebarkan ke tempat lain di seluruh Nusantara ini. Lantaran itulah banyak kaum pedagang di rantau ini pada zaman dahulu menggelarkan daerah Aceh itu sebagai 'Serambi Mekah' — mereka mengibaratkan Aceh itu sebagai tempat pertama disinggahi sama ada semasa pulang atau sewaktu hendak ke Mekah.

Sebelum wujud kerajaan Islam Samudera (Pasai) yang dipelopori oleh Sultan Islam yang pertama Sultan Malik al-Salih menurut sejarah Aceh, sudah ada sebuah kerajaan Islam yang bersultan, iaitu Kesultanan Aceh awal. Pemerintahnya yang pertama Sultan Johan Syah yang memerintah mulai kira-kira pada tahun 1205 Masihi. Makam Sultan Johan Syah dan beberapa buah makam sultan-sultan Aceh selepasnya masih terdapat pada masa ini, di Kompleks Kandang Aceh di Kampung Pande (pandai), Kota Madya Aceh. Kesahihan makam itu masih boleh dipertikaikan kerana kesemua batu nisan yang terdapat di makam tersebut tidak mencatatkan sebarang tarikh. Pada batu nisan itu terukir tulisan khat dan ukiran yang begitu indah. Walau bagaimanapun nisan yang dianggap bukti makam kesultanan Aceh tua itu agak luar biasa (dari segi bentuk, jenis khat dan ukirannya). Nisan tersebut mungkin lebih tua daripada sebarang batu nisan Aceh dan jauh lebih tua daripada batu nisan Aceh yang dipasangkan pada makan Malik al-Salih di Pasai. Batu nisan pada makam kesultanan Aceh di Kampung Pande itu lebih mirip kepada bentuk sebuah *stupa* candi, ataupun bentuk gading. Ini membolehkan kita membuat andaian bahawa bentuk yang sedemikian itu dipengaruhi oleh proses

Peta 2: Letak kawasan makam kesultanan Aceh tua dimakam Pande.



peralihan daripada budaya tradisi Hindu/Buddha kepada budaya Islam yang baru muncul. Fenomena seperti ini berlaku di mana-mana dalam cara hidup manusia yang sentiasa terdedah dan terpengaruh dengan unsur-unsur luar, lalu bergabung pula dengan unsur-unsur yang sedia ada.

Di sekitar wilayah Aceh kita dapati banyak sekali batu nisan makam lama di sepanjang jalan Kota Madya Aceh ke Pantai Tanjung Batu. Hampir ke-

Plat 4.2: Tulisan khat yang terdapat pada batu nisan makam Maulana Abdul Rahman al-Fasi, bertarikh tahun 816 H (1414 M).

Plat 4.3: Komplek Makam Maulana Abdul Rahman al-Fasi di Aceh.

semua tinggalan ini tidak dipelihara dengan baik, bahkan banyak antara nisan itu yang rosak, sama ada patah atau terbenam di dalam tanah. Sebahagiannya pula mempunyai tulisan khat yang sangat indah, dan belum pernah dibuat penyelidikan dan penelitian secara serius. Kita tidak boleh menolak kemungkinan bahawa antara nisan yang sungguh banyak itu ada yang mempunyai tarikh yang awal, yang dapat membuktikan bahawa Islam sudah sampai ke Aceh pada abad pertama Hijrah lagi seperti yang didakwa oleh setengah-setengah sarjana.

Batu-batu bersurat, khususnya batu-batu nisan yang berusia tua yang telah ditemui di daerah Aceh, kebanyakannya terdapat di Lhoksuemawe, iaitu ke arah tenggara Banda Aceh. Di situlah letaknya tapak kerajaan Samudera (Pasai). Kerajaan tersebut terletak di tempat yang sekarang ini disebut Geudong (Gedong). Di sini ditemui beberapa buah makam

Plat 4.4: Tulisan yang terdapat pada penampang utara, batu nisan kepala makam Sultan Malik al-Salih.

Plat 4.5: Sebuah batu nisan berusia tua, tanpa tarikh yang ditemui di Pasai.
Dengan ihsan Muzium Aceh.

— antara yang tertua ialah Makam Malik al-Salih, Makam Malik al-Tahir (1326 Masihi), Makam Ratu al-Ala binti Sultan Malik al-Tahir (1389 Masihi), Makam Maulana Abdullah Ibnu Muhammad Ibnu Abdul Kadir kaum Abas al-Muqtasir di Kota Karang (1407 Masihi), Makam Maulana Abdul Rahman al-Farsi di Kompleks Teunku di Iboih (1413 Masihi), Makam Yaakub di Perkuburan Blang Peuria (1428 Masihi), Makam Ratu Nahrisyah (Puteri Pasai) Kampung Maunasah Minye Tujuh, Aceh Utara (1428 Masihi) dan Makam Naina Hisamuddin bin Naina Amin di Kompleks Teunku di Iboih.

Plat 4.6: Makam Abdullah bertarikh tahun 779 H (1408 M). Makam ini terletak berhampiran dengan makam Abdul Rahman.

Plat 4.7: Batu nisan pada makam Abdullah mempunyai persamaan bentuk dengan batu nisan baa makam Ratu Nahrisyah dan batu nisan pada makam Abdul Rahman. Dipercayai batu nisan tersebut berasal dari tempat yang sama, Gujarat atau Parsi.

Nisan Ratu al-Ala agak luar biasa — mempunyai dua tulisan yang berlainan, iaitu tulisan Jawa kuno dan Arab. Profesor Dr. Hoesein Djajadiningrat (H. Mohammad Said, 1981: 101—103), yang telah membaca tulisan Arab di batu nisan tersebut percaya bahawa nukilan bahasa Arab itu berbunyi:

"Matn al-Malikah al-Mu'azzamah alalah (al-alah)
binti as-Sultan ala Marhum Malik al Zahir kha (?)
al Athar (?) ibn Walidihi Khan (?) al khanat (?)
taghammadahu'L-Lahu (bi'r ridhwan fi'r-rabi'
'ashar yaum al-Jumaah min Dzi'l-hijjah ahad wa
tis'ina wa sab'a mi'an min al hijrah al-muo-tafawy (yah)".

Plat 4.8: Hiasan yang terdapat pada bahagian kepala batu nisan makam Abdullah.



Plat 4.9: Batu nisan daripada jenis 'Batu Aceh' pada makam Sultan Muzaffar Shah, sultan yang memerintah Aceh pada tahun 1465–1497 Masihi. Makam terletak di kawasan makam Biloy, Aceh.

Stutterheim (1936) kemudian menterjemahkan tulisan ini ke bahasa Belanda yang kira-kira begini maksudnya:

> "Ratu yang agung al-Alah binti Almarhum Sultan Malik al-Zahir, Maharaja (khan) di masa-masa lampau, putera dari ayahandanya Maharaja dari putera Maharaja, semoga Allah menerimanya dengan sempurna pada 14 Zulhijah, hari Jumaat, tahun 791 Hijrah".

Inskripsi dalam tulisan huruf Jawa kuno pula telah dibaca juga oleh Stutterheim. Bacaan beliau adalah seperti yang berikut:

Hijrah nabi mungstapa yang prasaddha
tujuh ratus asta puluh savarasaa,
haji catur dan dasa vara sukra,
raja iman (varda) rahmatallah,
gutra bha (ru bha sa (ng) mpu hak kadah
pase me
tarukk tasih tanahsamuha,
ilahi ya rabbi tuhan samuha,
taruh dalam svarga tuhan tutuha.

Plat 4.10: Pahatan khat pada sebuah makam berusia tua di kompleks makam Kandang 12, Banda Aceh.



Inskripsi-inskripsi yang terukir pada batu nisan yang dipasang pada perkuburan-perkuburan berusia tua di sekitar Lhoksueumawe seperti yang disebut tadi terdiri daripada tiga jenis; bentuk batu nisannya juga berlainan. Nisan pada Makam Malik al-Salih menggunakan batu nisan Aceh (batu Aceh sendiri, daripada jenis batu Meurassa, jenis batu yang boleh dilihat bertaburan di sepanjang jalan raya dari Banda Aceh ke pantai Tanjung Batu. Batu jenis ini biasanya berwarna kelabu, agak kemerah-merahan.

Menurut kajian Dr Othman Mohd Yatim ("Batu Aceh", 1988) batu Aceh mula digunakan pada perkuburan raja-raja Islam di Nusantara ini sejak abad ketiga belas lagi dan terus digunakan hingga abad kesembilan belas. Perkuburan atau makam yang pertama menggunakan nisan batu Aceh di Aceh ialah Makam Malik al-Salih yang terdapat di Kampung Muenasah Beringin, Gedong, Lhoksuemawe.

Plat 4.11: Tulisan khat yang indah ini terpahat pada sebuah makam berusia tua di kompleks makam Biloy, bertarikh abad keenam belas.

Plat 4.12: Tulisan khat yang begitu indah terdapat pada nisan makam sultan Aceh, Makam Kandang 12, Banda Aceh.

Plat 4.13: Hiasan serta tulisan khat pada makam Kandang 12.

Plat 4.14: Hiasan pada makam Malik al-Salih.



Di Malaysia, batu nisan jenis itu yang tertua dapat dikesan pada makam yang masih belum dapat dikenal pasti makam siapa di Permatang Pasir, Pekan, Pahang. Tarikh yang terukir pada batu nisan itu ialah tahun 419 Hijrah (1028 Masihi).

Makam Sultan Malik al-Zahir (Tahir) tahun 1326 Masihi, yang terletak di sisi Makam Malik al-Salih tidak menggunakan jenis batu nisan Aceh, sebaliknya batunya adalah jenis batu granit atau batu pejal. Batu jenis ini amat keras dan sukar diukir, mungkin inilah sebabnya nisan tersebut tidak banyak mengandungi ukiran atau berkerawang seperti kebanyakan nisan Aceh.

Ada berbagai-bagai pendapat yang dapat digunakan bagi menjelaskan sebab makam cucu Sultan Malik al-Salih yang dilantik menjadi pemerintah Samudera (Pasai) itu tidak menggunakan batu nisan Aceh seperti nisan pada makam nindanya itu. Mungkin salah satu sebabnya ialah pada waktu wafatnya Sultan Malik al-Zahir (Tahir) jenis batu nisan Aceh sukar diperolehi. Kemungkinan juga pada waktu itu terdapat hubungan yang tidak mesra dan kurang baik antara Samudera (Pasai) dengan kerajaan yang di sebelah Aceh Besar itu. Oleh kerana kesukaran mendapatkan tempahan batu nisan tersebut dari tempat membuatnya, kemungkinan

Plat 4.16: Tulisan khat yang terdapat pada nisan bahagian kepala makam Ratu al-Ala, bertarikh 14 Zulhijah 791 Hijrah (1388 Masihi).

mereka telah memilih batu hasil tukang batu di Samudera (Pasai) sendiri dari batu-batu yang ada di persekitaran, iaitu batu granit atau batu pejal. Batu tersebut agak keras dan tidak mudah patah. Oleh itu bentuk batunya diukir dengan ukiran yang tidak banyak kerawang, atau yang rumit untuk diukir. Kemungkinan lain ialah kerajaan Islam Samudera (Pasai) di bawah pemerintahan Sultan Malik al-Zahir (Tahir) itu sudah dipengaruhi oleh ulama dan cerdik pandai Parsi atau Gujarat. Mereka ini seboleh-bolehnya ingin menyerupakan unsur kebudayaan mereka ke dalam budaya tempatan. Bentuk nisan juga mungkin dipengaruhi oleh bentuk nisan dari luar. Hal ini dapat dihubungkan dengan beberapa buah batu nisan yang disebutkan tadi seperti batu nisan Maulana Abdullah, Maulana Abdul Rahman dan makam Ratu Nahrisyah, yang menggunakan batu marmar atau batu pualam putih yang ditempah atau ditukang di Parsi atau Gujarat. Bentuk batu ini juga berbeza daripada batu-batu nisan yang didatangkan sama ada dari Aceh ataupun tempat lain di Nusantara ini.

Sebuah lagi batu nisan yang bentuknya berlainan dengan nisan batu Aceh ataupun batu-batu nisan pada makam-makam yang disebutkan tadi, ialah batu nisan pada Makam Ratu al-Ala binti Sultan Malik al-Zahir (Tahir). Batu nisan tersebut mempunyai dua bentuk tulisan — yang satu tertulis huruf Jawa kuno bertarikh pada 14 Zulhijah, tahun 791 Hijrah dan batu nisan yang satu lagi iaitu batu nisan kepala bertulis huruf Arab bertarikh 14 Zulhijah, 781 Hijrah. Tarikh yang tidak sama pada dua batu nisan tersebut mungkin kesilapan tukang pahat. Jadi tarikh yang mana yang betul sehingga kini tiada siapa pun yang dapat memberi jawapan yang tepat. Bentuk batu nisan Ratu al-Ala ini hampir sama dengan bentuk batu nisan pada makam orang Islam zaman kerajaan Majapahit di Trowulan. Ini tidaklah begitu menghairankan kerana pada waktu pemerintahan Ratu tersebut kerajaan Pasai memang di bawah kekuasaan kerajaan Majapahit dan kerajaan Pasai masih mempunyai beberapa buah jajahan takluk termasuk Kedah atau Kadaha seperti yang

Peta 3: Lokasi Batu Aceh di Sumatra dan Semenanjung Malaysia.



terpahat pada batu nisan makam Ratu al-Ala.

Sebuah lagi tempat di Sumatera yang telah dikesan terdapat batu-batu bersurat berusia tua ialah di Barus, Tapanuli Utara dalam Provinsi Sumatera Utara. Menurut kajian dan penelitian yang dibuat (oleh Dr Hasan Muarif Ambary 1984, "L'Art) Funeraire Musulman En Indonesie Des Origines Auxix Siecle," tidak diterbitkan tesis Ph.D., Ecole Des Hautes Etudes En Sciences, Paris. — terdapat sebuah makam lama yang telah ditemui di Kompleks Batu Badan, Barus. Makam tersebut dikenali sebagai makam Siti Tuhar Amisuri, bertarikh 10 Safar 620 Hijrah. atau bersamaan 1206 Masihi.

Batu nisan Siti Tuhar Amisuri yang dijumpai di Barus itu dianggap paling tua usianya dibandingkan dengan bukti epigrafi bertarikh yang pernah dijumpai di Pulau Sumatera. Walau bagaimanapun makam ini juga masih menjadi tanda tanya. Siapa Siti Tuhar? Berdasarkan namanya tentulah beliau seorang yang ternama. Adakah beliau anak seorang

Plat 4.17: Makam Ratu al-Ala binti Sultan Malik al-Zahir (Thahir) ditemui di Kampung Manasah, Minye Tujuh, Gedong (Pasai), Lhoksaumawe, Aceh Utara. Tarikh yang terdapat pada kedua-dua batu nisan ini masih menjadi tanda tanya, kerana batu nisan bahagian kepala bertarikh pada 14 Zulhijah 791 Hijrah, manakala batu nisan bahagian kaki bertarikh 14 Zulhijah 781 Hijrah.

pemerintah tempatan ataupun anak seorang hartawan ataupun beliau ratu atau raja perempuan yang berkuasa di daerah itu?

Di samping Makam Siti Tuhar Amisuri, terdapat sebuah lagi makam berusia tua yang dijumpai di Barus, iaitu Makam Syeikh Rukunuddin Imam Khatib. Inskripsi pada nisannya dapat dibaca dan mempunyai tarikh tahun 1400 Masihi. Siapa Syeikh Rukunuddin Imam Khatib itu pun belum dapat dipastikan, namun kehadiran dua makam berusia tua di Barus itu membuktikan bahawa agama Islam sudah dianuti dan sampai di Barus pada abad ketiga

Plat 4.18: Nisan pada makam Malik Ibrahim, di gerisek, Jawa bertarikh 822 Hijrah (1419 Masihi). Nisan ini sama jenis dengan nisan Ratu Nahrisyah di Aceh yang bertarikh 831 Hijrah (1428 Masihi).





belas atau terdahulu daripada itu. Memang boleh diterima jika sekiranya Barus dianggap tempat pertama agama Islam bertapak di Nusantara ini, kerana tempat tersebut sudah dikenali oleh pedagang-pedagang luar terutama pedagang dari Arab, Parsi Gujarat dan Cina sebelum Masihi, sesuai dengan apa yang tercatat di dalam peta yang disusun oleh Cladius Ptolemeaus yang menyebut Barus itu sebagai "Baroai".

Epigrafi Islam di Pulau Jawa

Di Pulau Jawa sudah ditemui beberapa buah makam orang Islam yang berusia tua. Antara yang paling tua ialah sebuah nisan yang terpahat nama Fatimah binti Maimun, bertarikh 419 Hijrah (1028 Masihi). Letaknya di Leran berhampiran Gerisek Surabaya. Asal usul Fatimah ini juga tidak dapat dipastikan, sama ada beliau orang Islam yang datang dari luar Jawa ataupun orang Islam tempatan. Berdasarkan namanya itu besar kemungkinan Fatimah bukan orang Jawa, kerana biasanya orang-orang Jawa walaupun sudah beragama Islam mereka lebih suka memakai nama Jawa yang berbau pengaruh kebudayaan Hindu, sedikit benar orang Jawa sejak dahulu hingga sekarang ini yang mahu menukar atau mengambil nama-nama Islam yang berunsurkan budaya Arab dan sebagainya. Jadi, Fatimah binti Maimun itu barangkali anak pedagang yang kaya, anak mubaligh Islam dari luar lingkungan rumpun bangsa Melayu — kemungkinan anak Arab, Parsi atau mungkin Gujarat dan sebagainya.

Huruf Kufi yang digunakan pada nisannya itu juga turut menambah kekaburan tentang latar belakang orang ini. Memang tidak dinafikan orang Jawa pada masa itu masih kuat dengan pengaruh tulisan huruf Jawa kuno, jadi tidak mungkin Fatimah anak Jawa yang beragama Islam. Mungkin juga beliau wanita tempatan yang telah diberi nama Islam oleh seorang Islam dari luar (Arab, Parsi atau Gujarat) yang menikahinya. Biasanya pedagang-pedagang Islam tidak membawa isteri mereka da-

lam perjalanan jauh dan memakan masa itu. Mereka lebih cenderung mengahwini wanita-wanita tempatan.

Satu lagi tanda sudah ada permukiman Islam di Pulau Jawa pada abad keempat belas ialah dengan terjumpanya batu-batu nisan yang bertarikh di Desa Troloyo (Trowulan), berhampiran Surabaya. Salah satu daripada batu nisan itu bertarikh 1349 Masihi. Ini membuktikan bahawa pada zaman pemerintahan kerajaan Majapahit yang berpusat di Trowulan itu sudah ada kelompok orang Islam yang hidup bercampur gaul dengan masyarakat di sekelilingnya yang masih beragama Hindu atau Buddha ataupun penganut kepercayaan animisme. Siapa mereka itu masih belum dapat dikesan. Adakah mereka itu orang-orang tempatan ataupun masyarakat pedagang Islam yang bermastautin di bawah naungan kerajaan Majapahit?

Penemuan purbakala ataupun penulisan asing yang dapat menerangkan tentang kedatangan Islam dan juga penganut agama Islam di Jawa dalam abad kesebelas hingga ketiga belas memang sukar di-

Plat 4.19: Batu nisan yang unik ini ditemui di kawasan makam Plak Plong, Kampung Putar Alam, Aceh. Bentuk in digunakan pada makam orang-orang Islam ternama atau ulama Aceh pada abad keenam belas atau lebih awal daripada itu. Tulisan khat juga dipahat bagi menghiasi batu nisan tersebut. Batu nisan ini digunakan pada makam orang Islam di Nusantara dalam abad yang terawal.

Plat 4.20: Halaman yang terdahulu. Hiasan kata Arab dengan pahatan khat pada sebuah batu nisan berusia tua yang ditemui di kawasan makam Plak Plong. Kampung Putar Alam, Aceh. Nisan ini patut diselidiki bagi menentukan pentarikhan agar maklumat tentang bila dan bagaimana agama Islam datang ke Nusantara ini dapat dikesan.

Plat 4.21: Salah sebuah batu nisan yang berusia tua terdapat di kawasan makam Kandang, Kampung Pande, Aceh.

Plat 4.22: Batu nisan yang berukir dan dihiasi dengan tulisan khat yang ditemui di kawasan makam Patau, Marhum Putar Alam, Kampung Pango, Banda Aceh.

perolehi, apatah lagi dalam bentuk epigrafi. Hanya dalam abad kelima belas, satu lagi makam orang Islam telah ditemui, iaitu Makam Maulana Malik Ibrahim, yang dijumpai di kompleks makam Posponegoro, berhampiran Gerisek. Tarikh yang terdapat pada nisan itu ialah tahun Hijrah 822 (1419 Masihi).

Malik Ibrahim juga bukan orang Islam tempatan tetapi seorang mubaligh dari luar, mungkin dari Gujarat, Parsi ataupun dari tanah Arab sendiri. Bentuk dan corak binaan makamnya itu tidak jauh bezanya daripada binaan makam Maulana Abdullah dan makam Ratu Nahrisyah yang terdapat di Pasai.

Plat 4.23: Sebuah lagi batu nisan bertulis yang belum dikenalpasti ditemui di kawasan makam Marhum Putar Alam.

Menurut penyelidikan sarjana Belanda, Moquette (1923), binaan makam-makam yang diperbuat daripada batu pualam putih itu dipengaruhi oleh makam-makam Islam yang terdapat di Cambay, India. Moquette juga percaya bahawa batu-batu tersebut berasal daripada batu marmar yang dirombak daripada candi atau kuil Hindu.

Melihat akan bentuk binaan makam, corak yang terukir serta bahan batu itu sendiri, kita dapat membuat kesimpulan bahawa Malik Ibrahim, Maulana Abdullah dan Maulana Abdul Rahman yang makamnya hampir sama bentuknya itu adalah orang Islam yang datang dari luar. Mereka bukan dari tanah Arab, tetapi mungkin dari Parsi ataupun Cambay, Gujarat atau tempat lain di India.

Malik Ibrahim memang tokoh pendakwah dan mubaligh Islam yang tidak asing lagi di kalangan masyarakat Jawa. Beliau sering dikaitkan dengan berbagai-bagai peristiwa aneh, sehingga ada cerita-cerita mitos yang menggambarkan beliau berasal daripada wali yang terkenal dalam masyarakat Jawa, dengan sebutan 'Wali Sembilan' atau 'Wali Songo'. Selain Malik Ibrahim yang dianggap wali yang tertua, Wali Songo terdiri daripada Sunan Ampel, Sunan Giri, Sunan Bonang, Sunang Gunung Jati, Sunan Kudus, Sunan Muria, Sunan Drajat dan Sunan Kali Jaga yang juga dikatakan bertanggungjawab dalam penyebaran Islam di Indonesia.

Plat 4.24: Tulisan yang terdapat pada nisan makam Fatimah binti Maimun bin Hibbatullah, Leran, Gerisek, Jawa. Batu nisan ini bertarikh 419 Hijrah (1082 Masihi).

Epigrafi Islam di Malaysia

Kedatangan dan penyebaran agama Islam di Malaysia sering dikaitkan dengan Aceh, kerana dari Aceh Islam dibawa oleh mubaligh ke Malaysia, melalui Kedah, dan Terengganu (dengan penemuan batu bersurat bertarikh tahun 702 Hijrah) langsung ke Melaka. Sejarah Kedah juga menyebut tentang kedatangan ulama dari Aceh ke Kedah untuk mengislamkan raja Kedah. *Sejarah Melayu* ada menyebut perihal seorang puteri Pasai yang berkahwin dengan Raja Melaka melalui 'perkahwinan politik'; dikatakan raja Melaka menganuti Islam, lalu diikuti oleh rakyatnya.

Peta 4: Kompleks makam Fatimah binti Maimun, Leran Gerisek, Jawa.



Pada batu nisan Ratu al-Ala di Pasai ada catatan yang menyebutkan tentang Kedah termasuk di bawah takluk dan pemerintahan Pasai. Dalam hal ini kita dapat membuat kesimpulan bahawa sedikit banyak pengaruh Islam terhadap kerajaan Pasai itu sampai juga ke Kedah dan kalau ini benar-benar terjadi maka dalam abad keempat belas sudah ada orang-orang Islam di Kedah. Mereka itu mungkin terdiri daripada kaum pedagang yang berasal dari Pasai, yang kemudian berkahwin dengan orang-orang Kedah lalu bermastautin di Kedah — ataupun sudah ada penduduk jati Kedah yang diislamkan oleh kaum pedagang itu sendiri, yang bertindak sebagai pendakwah atau mubaligh.

Sejarah Kedah juga ada menyebut tentang seorang Raja Kedah yang diislamkan oleh seorang mubaligh berbangsa Arab yang bernama Syeikh Abdullah bin Syeikh Ahmad bin Syeikh Jaafar Qaumiri. Raja Kedah itu memakai gelaran Sultan Muzaffar Syah. Tarikh pengislamannya itu ialah pada tahun 531 H. (1136 Masihi) dan Sultan Kedah yang telah diislamkan itu mangkat pada tahun 575

Peta 5: Kedudukan makam Malik Ibrahim dan makam Fatimah binti Maimun di Leran Gerisek, Jawa.



H (1179 Masihi). Makam Sultan Kedah yang sudah Islam itu ada sekarang ini di Kampung Langgar, Merbok, Kedah. Sayangnya, batu nisan pada makam Sultan Kedah yang pertama masuk Islam itu tidak terdapat sebarang tulisan atau tarikh, jadi sukarlah kita menentukan kebenarannya. Kalau diperhatikan bentuk batu nisan yang terpasang pada makam almarhum Sultan itu bukan dari jenis batu nisan Aceh yang terawal, sebaliknya, nisan Aceh abad ketujuh belas. Nisan yang serupa terdapat di beberapa buah makam lama, umpamanya di Kompleks Makam Diraja, Langgar, Alor Setar, Kedah dan di beberapa kawasan makam Islam di sekitar Banda Aceh.

Dalam tahun 1982, semasa Dr Othman Mohd Yatim memeriksa beberapa buah ketul batu candi yang tersimpan di Muzium Arkeologi Lembah Bujang, Merbok, beliau menemui seketul batu pejal yang berukuran 37 cm × 19 cm di dalam kumpulan ketul batu candi yang banyak itu. Pada batu itu terdapat tulisan semacam huruf Arab atau huruf Jawi. Setelah batu tersebut dibawa ke Muzium Negara dan kemudian dibuat penelitian selanjutnya didapati tulisan itu adalah rangkaian huruf yang berbunyi ابن سردان (Ibnu Sardan); pada hujung perkataan itu pula ada semacam angka Hijrah iaitu ٣١٣ (213). Jika benar itu angka Hijrah, ini menunjukkan bahawa batu bertulis itu telah dipahat pada tahun itu juga, iaitu dalam abad kesembilan.

Sukar juga untuk memastikan apakah batu Ibnu Sardan itu sebahagian daripada batu yang dipasang pada sebuah kubur yang terpakai nama tersebut, atau barangkali sebuah piagam untuk memperingati sesuatu peristiwa, kejadian atau tragedi yang ada kaitannya dengan orang yang terpahat nama pada ketul batu tersebut.

Jumpaan ketul batu bertulis itu adalah satu perkara yang sangat menarik. Adakah batu ini mempunyai hubungan dengan orang-orang Arab atau Parsi yang dikatakan oleh Profesor Syed Muhammad Naquib al-Attas dan beberapa orang sarjana lain telah berhijrah dari negeri Cina ke Palembang dan

Plat 4.25: Batu nisan yang terdapat di kawasan makam yang dikenal oleh penduduk tempatan sebagai makam Sultan Muzaffar Shah, Kampung Langgar, Lembah Bujang Merbok, Kedah.

Kedah pada abad ketujuh dan kesembilan Masihi.

Barangkali juga Ibnu Sardan itu mubaligh atau pendakwah yang datang dari Timur Tengah. Nama itu mengingatkan kita kepada satu nama keluarga orang Arab. Biasanya nama keluarga Ibnu Sardan itu terdiri daripada keluarga cendekiawan; mereka juga ahli pelayaran yang suka belayar ke seluruh pelosok dunia, sama ada sebagai saudagar ataupun pedagang. Mereka juga telah bertindak sebagai mubaligh atau pendakwah yang gigih.

Plat 4.26: Batu nisan berukir yang terdapat di kawasan makam Sultan Muzaffar Shah, Kampung Langgar, Lembah Bujang, Merbok, Kedah.

Kemungkinan batu bersurat Ibnu Sardan yang dijumpai di Lembah Bujang itu catatan tentang salah seorang keluarga Sardan yang awal sampai ke Kedah, kemudian bermastautin serta bergiat menyebarkan agama Islam kepada penduduk tempatan di Lembah Bujang yang dahulunya pelabuhan terkenal, di Kuala Sungai Merbok. Di situ jugalah tempat berkumpul para pedagang luar sama ada dari negeri Cina, Gujarat, India, Parsi dan Arab. Walaupun Lembah Bujang pada ketika itu terkenal sebagai pusat kegiatan sebuah kerajaan Hindu atau Buddha, kerajaan mereka ini sama juga dengan kerajaan Majapahit di Jawa — memberi kebebasan kepada penganut agama lain. Kemungkinan kerana adanya tolak-ansur dalam soal beragama inilah Ibnu Sardan menetap di Lembah Bujang, sehingga ia meninggal pada tarikh yang tercatat pada batu bersurat itu.

Terdapat sebuah lagi makam lama yang telah ditemui di Kedah. Pada salah satu permukaan nisan makam itu tertulis nama yang dapat dibaca sebagai "Syeikh Abdul Kadir Husain al-Yarah". Makam ini terletak di tanah perkuburan Islam Kampung Tanjung Inggeris, Langgar. Di samping nama itu terdapat tulisan semacam angka Hijrah yang tidak



Plat 4.27: Batu nisan bertulis tanpa tarikh, dijumpai di Kampung Seberang Tok Soh, Pinang Tunggal, Kuala muda, Kedah.

Peta 6: Pantai Barat Negeri Kedah dan Perlis menunjukkan taburan epigrafi.



begitu jelas — namun yang dapat dibaca ialah 219 Hijrah bersamaan 903 Masihi. Angka tersebut masih boleh dipertikaikan kerana ada kemungkinan sebahagian daripada angka itu sudah patah atau terhakis. Sekiranya angka ini benar, ini bererti kita telah menemui satu lagi artifak Islam yang berusia tua. Atifak ini sudah tentu dapat merubah atau mendorong satu penulisan semula yang lebih konkrit tentang kedatangan agama Islam ke Nusantara ini.

Dalam tahun 1985, kami juga telah melawat sebuah lagi makam lama yang terdapat di Kampung Seberang Tok Soh, berhampiran dengan Pinang Tunggal, lebih kurang sembilan kilometer ke tenggara bandar Sungai Petani. Makam tersebut menggunakan dua batu nisan — pada bahagian nisan kepala terdapat tulisan, manakala pada nisan sebelah kaki tiada sebarang tulisan. Setelah dibuat penelitian lanjut, didapati tidak terdapat sebarang tarikh yang dapat membantu kita menentukan usia makam tersebut. Tulisan-tulisan pada batu nisan itu hanya sedutan ayat-ayat dari al-Quran. Tulisan itu berbunyi:

لا اله الا الله محمد رسول الله

انا فتحنا لك فتحا مبينا شهد الله انه لا اله الا هو

نصر من الله وفتح قريب واولو العلم قائما

ومبشرا منيرا بالقسط

Terjemahannya:

Tiada Tuhan melainkan Allah, Muhammad Pesuruh Allah.

Sesungguhnya Kami Memberikan kepadamu satu kemenangan yang nyata (al-Fath: 1)

Allah menjadi saksi, Dia tidak ada Tuhan Selain Dia

Orang-orang yang berilmu, sebagai melaksanakan keadilan (Ali-Imran: 18)

Inilah satu kemenangan daripada Allah, kemenangan segera, dan kamu untuk menggembirakan dan menunjukkannya (al-Saf: 13)

Plat 4.28: Batu nisan pada makam Syeikh Abdul Kadir Husain al-Yarah, kawasan makam Tanjung Inggeris, Langgar, Kedah.

Siapakah yang disemadikan di makam yang dijumpai di Kampung Seberang Tok Soh itu. Buat masa ini belum dapat dipastikan lagi. Penduduk tempatan memanggil makam ini 'Makam Raja Bersiung'. Nama itu sebenarnya mengambil sempena nama sebuah bekas kota iaitu Kota Raja Bersiung yang terletak tidak jauh dari makam tersebut. Kami telah melawat dan meninjau kota tersebut dan mendapati di kota itu masih ada benteng yang diperbuat daripada timbunan tanah setinggi dua hingga tiga meter. Di sekeliling kota itu dibuat parit selebar kira-kira sepuluh hingga 15 meter, manakala dalam parit itu antara tiga hingga empat meter.

Di dalam kawasan kota yang sangat luas itu didapati banyak sekali serpihan tembikar, batu bata dan juga ketul batu merah. Kami beranggapan tempat ini bekas bangunan-bangunan batu, mungkin bangunan istana raja yang memerintah mungkin juga bangunan-bangunan yang digunakan sebagai rumah ibadat — mungkin candi, mungkin juga masjid. Walau bagaimanapun, hal ini masih belum lagi dapat dipastikan. Ini disebabkan tarikh Kota Raja Bersiung itu dibina belum dapat ditentukan sama ada didirikan semasa kerajaan Kedah sebelum Islam, ataupun didirikan oleh pemerintah Kedah sesudah agama Islam bertapak di situ.

Kalau kita merujuk semula cerita-cerita yang terdapat dalam buku sejarah Kedah, daripada *Hikayat Merong Mahawangsa,* kita akan bersua dengan cerita raja Kedah yang bergelar Raja Bersiung. Mungkin raja itulah yang mendirikan kota tersebut. Berdasarkan cerita rakyat yang diperturunkan dari generasi ke generasi, ada kemungkinan kita dapat menerimanya. Namun begitu satu penelitian yang khusus perlu dibuat oleh pakar arkeologi terhadap tapak kota tersebut.

Sebuah lagi batu bersurat telah dijumpai di tebing Sungai Tersat, dekat Kampung Buluh, Kuala Berang, Hulu Terengganu. Jumpaan batu bersurat yang tidak disangka itu pada akhir abad kesembilan belas telah membongkar satu rahsia yang terpendam selama ini tentang setakat mana penerimaan

Plat 4.29: Antara ayat Quran yang terpahat pada batu nisan makam Syeikh Abdul Kadir Husain al-Yarah. Pada nisan ini juga terpahat semacam angka Hijrah 219 (834 Masihi).

Islam di kalangan penduduk tempatan di sebelah pantai timur Semenanjung Malaysia.

Batu bersurat Terengganu telah dijumpai di tebing kanan mudik Sungai Tersat, Kuala Berang, pada kira-kira tahun 1887 Masihi. Batu itu kemudian dipindahkan ke sebuah surau yang berdekatan, yang dikenali dengan nama Surau Tok Rashid. Dari situ batu tersebut dipindahkan pula ke surau Kampung Buluh. Letak surau tersebut kira-kira seratus meter dari tebing kanan mudik Sungai Tersat.

Dalam tahun 1902, seorang kenamaan Terengganu bergelar Pengiran Anum, Engku Abdul Kadir bin Engku Besar, berserta dengan seorang sahabatnya dari Riau bernama Syed Husin bin Ghulam Bokhari, telah datang ke Kampung Buluh, Hulu Terengganu. Semasa mereka naik ke surau Kampung Buluh untuk bersembahyang, mereka terlihat sebuah batu bertulis yang digunakan sebagai pelapik kaki untuk membasuh kaki sebelum naik ke surau. Semasa pulang mereka membawa batu itu lalu dipersembahkan kepada Sultan Zainal Abidin III. Dengan titah baginda batu tersebut diletak di dalam kota, di atas Bukit Puteri. Dalam tahun 1922, batu tersebut dipindahkan ke Pejabat Bandaran, kemudian dibawa ke Singapura untuk dikaji. Dalam tahun 1963, batu bersurat tersebut telah diserahkan pula kepada Muzium Negara.

Bahagian sebelah bawah batu bersurat Terengganu itu telah patah, dan bahagian yang tinggal dan bertulis itu berbentuk seakan-akan empat persegi, tetapi kuncup ke bawah. Ukuran rentas di sebelah muka atasnya ialah 54 cm dan ukuran rentas di bawahnya ialah kira-kira 26 cm. Batu tersebut telah ditimbang di Muzium Negara pada tahun 1981, dan beratnya ialah 214.8 kg.

Pada batu bersurat yang diperbuat daripada batu pejal itu terakam tulisan-tulisan huruf Jawi berbahasa Melayu bercampur Sanskrit dan terpahat pada keempat-empat penampangnya. Tulisan yang tercatat padanya dapat dibaca oleh beberapa orang pakar. Menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas,

Plat 4.30: Sebuah batu Peringatan yang dipasangkan pada Tapak dijumpai Batu Bersurat Terengganu di kampung Buluh, Kuala Berang, Hulu Terengganu.



Plat 4.31: Bekas tapak surau Kampung Buluh. Di kaki tangga surau inilah batu bersurat diletak sebagai alas membasuh kaki.

di dalam bukunya *The Correct Date of the Trengganu Inscription,* tarikh yang tercatat pada batu bersurat tersebut ialah hari Jumaat 4 Rejab tahun 702 Hijrah atau bersamaan dengan 22 Februari 1303.

Catatan lain yang terdapat pada batu bersurat tersebut ialah keterangan tentang pemerintah Islam bernama Mandalika. Raja tersebut telah memerintah menurut peraturan Islam. Catatan itu juga menerangkan tentang hukum Islam ke atas orang Islam yang melanggar dan membuat salah di sisi agama Islam, seperti hukuman terhadap isteri atau suami yang curang dan sebagainya.

Wujudnya sebuah kerajaan Melayu yang berlandaskan agama dan hukum-hukum Islam di sebuah daerah yang boleh dikatakan mempunyai kedudukan yang sangat jauh dari pantai laut atau kuala sungai itu adalah satu perkara yang sering dipersoalkan oleh ahli sejarah tempatan dan ahli sejarah luar negeri. Mengapa raja Melayu yang memerintah itu memilih tempat tersebut? Adakah ini ada kaitannya dengan soal keselamatan? Atau mungkin ada rahsia lain yang mendorong raja itu memilih tempat? Pada umumnya kita dapat membuat andaian bahawa walau di mana pun pusat pemerintahan tradisi itu, yang penting bagi mereka ialah pusat pemerintahan itu mestilah dapat memberi manfaat kepada mereka dari segi perlindungan dan kesejahteraan rakyatnya untuk mengamal cara hidup yang bebas, keselamatan yang terjamin daripada serangan musuh, senang mendapatkan kemudahan sara hidup, seperti mudah mendapat sumber rezeki — makanan yang diperolehi di sekitar tampat itu — baik untuk keperluan sendiri ataupun untuk diperdagangkan. Tempat yang dipilih itu mungkin juga jauh sedikit dari pusat pemerintah yang ada yang berlainan pula gaya pemerintahannya. Ini akan menolak kemungkinan berlakunya permusuhan antara kerajaan-kerajaan tersebut. Hal ini penting bagi pemerintahan Melayu di Hulu Terengganu. Ia memilih sebuah tempat yang agak jauh dari pantai laut untuk mengelakkan risiko serangan dari luar.

Kerajaan Melayu beraja yang bergelar 'Mandalika' seperti yang terpahat pada batu bersurat itu tentulah telah wujud lebih dahulu daripada batu yang dipahat itu, sehingga tukang yang memahatnya sudah mahir benar dengan gaya tulisan Jawi. Di samping itu, diperlihatkan bahawa tulisan itu sudah dicipta berasaskan tulisan Arab sekurang-kurangnya berpuluh-puluh tahun sebelum tulisan itu diukir pada batu bersurat tersebut. Kita dapat membuat kesimpulan bahawa tulisan Jawi yang diubahsuai daripada tulisan Arab itu kemungkinan sudah dicipta pada pertengahan abad ketiga belas atau mungkin lebih awal daripada tarikh itu.

Sehingga kini tiada siapa pun yang mengetahui pencipta tulisan itu, tempat asal tulisan itu dicipta dan dalam pemerintahan siapa tulisan tersebut diperkenalkan. Tidak ada suatu catatan, baik pada ar-

Peta 7: Lokasi di Batu Bersurat Terengganu dijumpai.



Plat 4.32, a, b, c, dan d Batu Bersurat Terengganu yang terdapat di Muzium ditimbang oleh pihak Jabatan Muzium Negara pada tahun 1981. Tinggi batu bersurat 84 cm, manakala beratnya 214.8 kg.

tifak purbakala, epigrafi sama ada Islam atau sebagainya, ataupun manuskrip lama yang menerangkan hal tersebut. Selama ini hanya batu bersurat Terengganu, satu-satunya epigrafi bertulisan Jawi berbahasa Melayu yang dianggap tertua yang telah dicipta pada awal abad keempat belas.

Tentang kerajaan Melayu pimpinan Mandalika di Hulu Terengganu itu, kita masih belum mengetahui siapakah raja yang bergelar Mandalika itu, asal usulnya dan bagaimana boleh wujud kerajaan Melayu di Semenanjung (Malaysia) yang pada waktu itu diketahui daerah yang amat kuat berpegang kepada pengaruh kebudayaan Hindu/Buddha. Sehingga pada abad yang keempat belas pun Semenanjung (Malaysia) ini masih dikira sebagai sebahagian daerah yang tidak dapat dipisahkan daripada beberapa kerajaan Melayu (yang tidak lagi mengenal atau terpengaruh dengan agama dan budaya Islam).

Kerajaan Melayu Islam pimpinan Mandalika itu besar kemungkinan mempunyai hubungan dengan daerah di Nusantara ini yang mula-mula menerima agama Islam — sama ada kerajaan Mandalika itu sudah menjalani hubungan rapat dengan kerajaan Islam Pasai yang diasaskan oleh Sultan Malik al-Salih, ataupun dengan kelompok orang Islam yang terdapat di Brunei, kerajaan Melayu Champa ataupun berhubung terus dengan orang Islam di negeri Cina yang terlebih dahulu menerima agama Islam. Nukilan yang terdapat pada batu bersurat Terengganu menurut Profesor Syed Muhammad Naquib al-Attas (1970) berbunyi seperti yang berikut:



a

b

c

d

Plat 4.33: Batu Bersurat Terengganu, Penampang A



Penampang A

1. *Rasul Allah dengan yang orang ..... (bagi) mereka .....*
2. *ada pada Dewata Mulia Raya beri hamba menegohkan ugama Islam.*
3. *dengan benar bicara derma meraksa bagi sakalian hamba dewata Mulia Raya.*
4. *di benua ku ini (penentu) ugama Rasul Allah sall'llahu 'alaihi wa sallama Raja.*
5. *mandalika yang benar bicara sebelah Dewata Mulia Raya di dalam.*
6. *behumi. Penentua itu fardzu pada sakalian Raja manda-lika Islam*
7. *menurut sa-titah Dewata Mulia Raya dengan benar.*
8. *bicara berbajiki benua penentua itu maka titah Seri Paduka.*
9. *Tuhan mendudokkan tamra ini di benua Terengganu di pertama ada.*
10. *Juma'at di bulan Rejab di tahun sarathan di sasanakala.*
11. *Baginda Rasul Allah telah lalu tujoh ratus dua.*

Penampang B

Penampang B

1. *keluarga di benua jauh ..... kan ..... ul*
2. *(datang) berikan. Keemp-(at derma barang) orang berpi-hutang*
3. *jangan mengambil ke ... (a)mbil bilangkan emas*
4. *kelima derma barang orang ..... (mer) deka*
5. *jangan mengambil (tugal buat) temasnya*
6. *jika ia ambil hilangkan emas. Keenam derma barang*
7. *orang berbuat balacara laki-laki perempuan sa-(titah)*
8. *Dewata Mulia Raya jika merdeka bujan palu*
9. *sa-ratus rautan. Jika merdeka beristeri*
10. *atawa perempuan bersuami ditanam binggan*
11. *pinggang di bembalang dengan batu matikan*
12. *jika inkar ba(lachara) bembalang jika anak mandalika.*

Penampang C



Penampang C

1. *bujan dandanya sapuloh tengah (tiga) jika ia ....*
2. *menteri bujan dandanya tujoh tahil sa-p(aha....*
3. *tengah tiga. Jika (tetua) bujan dandanya lima ta(hil.....*
4. *tujoh tahil sa-paha masok bendara. Jika o(rang.....*
5. *merdeka. Ketujoh derma barang perempuan hendak ....*
6. *tida dapat bersuami jika ia berbuat balachara ....*



Penampang D

Penampang D

1. ..... *tida benar dandanya sa-tahil sa-paha. Kesembilan derma.*
2. ..... *Seri Paduka Tuhan siapa tida ..... dandanya*
3. ..... *kesapulih der)ma jika anakku atawa (pemain)(?) ku atawa cucuku atawa keluarku atawa anak.*
4. .....*tamra ini segala isi tamra ini barang siapa tida menurut tamra ini laanat Dewata Mulia Raya*
5. ..... *dijadikan Dewata Mulia Raya bagi yang langgar acara tamra ini.*

Dalam tahun 1953, sebuah batu nisan bertulis telah dijumpai di sebuah tanah perkuburan di Kampung Permatang Pasir, Pekan, Pahang. Penemuan batu nisan tersebut merupakan suatu perkara yang sangat menarik kerana batu itu dijumpai semasa kakitangan Muzium Negara menggali sebuah perkuburan di situ. Nisan tersebut dijumpai kira-kira satu meter dalam tanah.

Dalam tahun 1979, salah seorang penulis buku ini, Sdr Halim Nasir bersama-sama Sdr Mohd Mokhtar, pengarah Muzium Sultan Abu Bakar melawat ke tapak makam tersebut, ikut sama ialah Tun Haji Abdul Wahab bin Haji Abdullah, nazir, Sekolah Menengah Agama Pahang. Dengan kerjasama Tuan Haji Abdul Wahab batu nisan tersebut telah dapat dibaca. Nukilan yang lengkap pada penampang-penampang di batu nisan tersebut telah disiarkan dalam *Jurnal Pahang Dalam Sejarah,* bilangan 1, 1982.

Menurut apa yang dibaca oleh Haji Abdul Wahab bahawa pada nisan sebelah kaki terdapat catatan tarikh tahun 419 Hijrah atau bersamaan dengan tahun 1028 Masihi. Kalau melihat daripada bentuk batu nisan itu, kita agak kurang yakin dengan umurnya yang agak tua. Nisan itu apabila dibandingkan dengan bentuk nisan yang terdapat di Kompleks Makam Ziarat Raja Raden, ataupun nisan yang terdapat di Kompleks Makam Nibong, memang tidak

banyak beza. Kesemuanya adalah daripada jenis nisan Aceh yang telah digunakan pada kubur raja-raja Melayu di sekitar abad kelima belas hingga abad keenam belas. Gaya tulisannya jauh lebih baik dan bermutu dibandingkan dengan tulisan khat yang terpahat pada batu nisan Sultan Muhammad Shah di Dusun Pinang, ataupun tulisan khat yang terpahat pada batu nisan Nakhoda Kambaiy (Cambay), bertarikh tahun 869 Hijrah (1459 Masihi).

Tarikh yang tercatat pada batu nisan Kampung Permatang Pasir itu tidak harus dinafikan kebenarannya. Bagaimanapun, kajian yang menyeluruh perlu dilakukan. Pakar sejarah tempatan yang tidak kurang jumlahnya di negara kita ini haruslah ber-

Peta 8: Lokasi Batu Bersurat di sekitar daerah Pekan, Pahang.



usaha menyelidiki sama ada tarikh yang dicatat pada batu nisan tersebut benar atau tidak. Sehingga kini pada keseluruhannya tarikh yang dicatat dalam bentuk tulisan Arab itu agak sukar dipastikan kesahihannya, kerana tarikh tersebut tidak dicatat dengan angka Arab. Kalau dalam bentuk angka, ada kemungkinan angka yang terletak di pangkal telah terhakis. Kalaulah catatan yang dibuat dalam bentuk huruf, pasti rangkaian ayatnya itu akan dapat menjelaskan maksud yang tersurat pada batu nisan tersebut.

Plat 4.37: Batu Nisan bahagian kaki di makam Kampung Permatang Pasir, Pekan, Pahang.



Pada batu nisan di Kampung Permatang Pasir itu juga tidak tercatat nama orang yang disemadikan di makam tersebut. Memang menjadi satu masalah kepada ahli sejarah tempatan apabila mereka menemui peninggalan sejarah tanpa tarikh. Seperti juga dengan makam-makam lama yang menggunakan batu nisan Aceh, terdapat suatu simbol yang dipahat pada bahagian atas nisan — simbol itu menandakan jantina si mati. Kubur seorang perempuan ditandai dengan simbol yang menyerupai alat 'caping' atau seperti daun terup yang dipanggil 'lekuk', manakala tanda nisan seorang lelaki ditandai simbol lekuk, yang rata pada bahagian atasnya itu tidak berbentuk tirus tajam seperti bentuk 'lekuk'.

Pada nisan yang terdapat di Kampung Permatang Pasir itu terdapat simbol yang menunjukkan simbol kubur seorang lelaki. Lelaki yang disemadikan di makam tersebut masih belum dapat dipastikan. Dalam sejarah Pahang terdapat beberapa makam Sultan Pahang daripada keturunan kesultanan Melaka yang tidak dapat dikesan di mana letaknya. Berdasarkan tarikh yang begitu awal, yang tercatat pada batu nisan tersebut tidak mungkin makam itu makam salah seorang Sultan Pahang, kerana pemerintahan Sultan Pahang bermula pada abad kelima belas, sedangkan tarikh pada batu nisan tersebut abad kesebelas.

Tarikh pada batu nisan Kampung Permatang Pasir itu dapat dikaitkan dengan batu nisan yang terdapat di makam Islam, di Brunei Darussalam. Di sana terdapat nisan makam yang bertarikh, misal-

nya batu nisan Puteri Sultan Abdul Majid Ibni Muhammad Syah al-Sultan bertarikh tahun 440 Hijrah atau bersamaan dengan tahun 1048 Masihi. Apakah kaitan antara makam-makam lama yang mempunyai tarikh yang hampir sama itu dengan penyebaran Islam ke Nusantara ini? Suatu penelitian lanjut patut dibuat oleh pakar sejarah bagi memecahkan masalah yang sekian lama tidak terhurai ini.

Nukilan yang terdapat pada batu nisan di Kampung Permatang Pasir itu telah dibaca oleh Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abdullah seperti yang berikut:

Penampang selatan nisan kepala

يا غفور
قال الله تعالى
كل نفس ذائقة
الموت . وانما توفون

Wahai yang mengampuni
Firman Allah Taala
Tiap-tiap yang bernyawa mesti merasai
mati dan sesungguhnya akan disempurnakan.

Penampang timur nisan kepala .

أجوركم
يوم القيامة
فمن زحزح
عن النار
لا خوف

Pahala-pahala kamu
pada hari kiamat
maka barang siapa yang dijauhkan
dari neraka
tidak takut

Penampang utara nisan kepala

هو الله
قال الله تبارك
وتعالى

Dialah Allah
Firman Allah Tabaraka
wa Taala dalam kitab-Nya
ketahuilah sesungguhnya wali-wali
Allah itu

Penampang barat nisan kepala

عليهم و
لاهم
يحزنون
راحل
فى الصبح

di atas mereka dan
tiada ia
berdukacita
berpindah
pada waktu pagi

Penampang selatan nisan kaki

يا مبين
الا انما الدنيا
كمنزل راكب
اراح عشا وهو

Wahai Allah yang menjelaskan
ketahuilah sesungguhnya dunia itu
seperti rumah tumpangan
dan dia berehat di waktu isyak
(malam)

Penampang timur nisan kaki

الا متاع
الغرور
صدق الله
سنة رابع

melainkan mata benda
yang memperdayakan
telah benarlah Allah
Yang Mulia
tahun empat

Penampang utara nisan kaki

يا رحيم
تاريخي وفا يوم
الاربعاء رابع عشر
وشهر ربيع

Ya Allah yang mengasihani
tarikh hari wafatnya
Rabu empat belas
dan bulan Rabi'

Penampang barat nisan kaki

وادخل
الجنة فقد
فاز وما
الحيوة الدنيا
وتسعة عشر

dan dimasukkan
ke dalam syurga maka sesungguhnya
menanglah ia dan tidaklah
hidup di dunia
dan sembilan belas.

Tulisan-tulisan yang terdapat pada kedua-dua batu nisan itu dipetik daripada ayat al-Quran, Surah Ali-Imran, ayat 185; dan Surah Yunus, ayat 652. Petikan itu tidak lengkap, bukan merupakan keseluruhan surah tersebut. Di samping itu, terdapat juga puisi Arab dan juga satu catatan tarikh wafat orang yang disemadikan di makam tersebut. Menurut Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abdullah yang telah membaca tulisan yang berbentuk puisi itu adalah seperti yang berikut:

ألا إنما الدنيا كمنزل راكب اراح عشيا
وهو راحل فى الصبح

Terjemahannya:
"Ketahuilah sesungguhnya dunia ini seperti rumah tumpangan, berehat pada waktu malam dan berpindah pada waktu pagi".

Manakala ayat yang menyebut tarikh kematian berbunyi

تاريخ وفاته يوم الاربعاء رابع عشر
وشهر ربيع سنة رابع وتسعة عشر

Terjemahannya:
"Tarikh wafatnya hari Rabu empat belas dan bulan Rabi, tahun empat ratus sembilan belas" (419).

Tarikh kematian yang terpahat dalam tulisan itu jika boleh diterima akan memperkuat pendapat bahawa inilah satu-satunya makam orang Islam yang tertua pernah dijumpai di Malaysia, dan patut diberi perhatian yang sewajarnya oleh para ahli sejarah kita.

Epigrafi Islam Selepas Kerajaan Melayu Islam Melaka

Sejak dibuka kira-kira pada akhir abad keempat belas atau awal abad kelima belas, Melaka menjadi sebuah negeri dengan pelabuhannya yang sibuk. Pada awal abad kelima belas, sultannya, Parameswara, memeluk agama Islam lalu baginda memakai gelaran Sultan Iskandar Syah. Sejak baginda memeluk Islam, pelabuhan Melaka kian sibuk, menjadi tumpuan para pedagang Islam dari Timur Tengah, Gujarat, Parsi dan Cina; yang kebanyakan-

nya beragama Islam. Sejarah Melaka juga ada menyebut tentang Sultan Melaka yang pernah belayar ke negeri Cina bersama-sama 540 orang ahli rombongan. Rombongan baginda itu menaiki kapal angkatan Laksamana Cheng Ho, iaitu seorang Laksamana beragama Islam pada zaman pemerintahan Maharaja Yung-lo yang memerintah negeri Cina pada masa itu (1402—1424 Masihi).

Negeri Melaka terus maju dan berkembang pesat sehingga pelabuhannya terkenal di rantau ini, baik di kalangan pedagang tempatan mahupun pedagang antarabangsa. Mereka tidak melepaskan peluang yang baik untuk berdagang dan mengembangkan agama Islam kepada penduduk Melaka yang baru menerima agama tersebut. Mereka menerima agama ini kemungkinan disebabkan agama itu sangat sesuai dengan cara hidup mereka.

Kerajaan Melayu Melaka yang berteraskan agama Islam itu telah diperintah oleh lapan orang raja yang bergelar sultan. Walau bagaimanapun, Sultan Melaka yang terakhir telah menerima nasib yang begitu malang, apabila Melaka diserang dan dialahkan oleh angkatan Portugis, pimpinan Alfonso de Albuqueque, pada tahun 1511. Sultan Mahmud sebagai Sultan Melaka yang terakhir terpaksa berundur dari satu tempat ke satu tempat dan akhirnya baginda mangkat di Kampar, Sumatera pada tahun 1528.

Orang-orang Portugis yang telah menawan Melaka memang terkenal sebagai bangsa yang bersifat bengis, garang dan tidak mempunyai sifat tolakansur terhadap bentuk kebudayaan yang lain lebih-lebih lagi dalam soal agama. Pada masa itu mereka terkenal sebagai bangsa yang giat menyebarkan agama Kristian yang fanatik. Agama yang lain daripada mazhab dan agama yang mereka anuti mesti dimusnahkan atau dihapuskan dengan apa cara sekalipun. Sebab itulah sewaktu Melaka ditawan, tugas pertama yang dilakukan ialah memusnahkan masjid agung atau masjid negeri Melaka yang terletak di pinggir istana raja Melaka, di tepi Sungai Melaka. Batu-batu dari masjid tersebut digunakan

pula untuk mendirikan sebuah gereja, iaitu di atas runtuhan istana raja Melaka yang juga diruntuhkan. Mereka membongkar segala makam di persekitaran Masjid Agung, lalu batu-batu dari makam tersebut digunakan bagi menambak asas bangunan gereja yang dinamai Gereja St. Paul.

Sekiranya kompleks makam diraja Melaka itu tidak dibongkar oleh Portugis, sudah pasti kita dapat melihat dan mengkaji ratusan malah ribuan batu nisan bertulis di kawasan makam itu. Di situ terdapat makam yang penting dari segi sejarah seperti makam Sultan Melaka, makam ulama, mubaligh Islam dan juga makam pembesar Melayu Melaka semenjak akhir abad keempat belas hingga abad keenam belas.

Musnahnya kompleks makam diraja Melaka di kaki Bukit Melaka (Bukit St. Paul sekarang) itu merupakan satu kerugian besar terhadap khazanah kebudayaan Melayu yang berteraskan agama Islam. Bukti-bukti epigrafi yang terpahat di batu-batu nisan itu merupakan epigrafi yang berusia tua yang membuktikan bermulanya kedatangan Islam ke Melaka dan jajahan takluknya. Kebelakangan ini beberapa buah batu nisan yang bertarikh, yang dipercayai berasal daripada tapak permakaman diraja itu telah ditemui semula, antaranya ialah sebuah batu nisan Sultan Mansur Syah, yang mempunyai tarikh mangkatnya pada tahun 882 Hijrah (1477 Masihi). Nisan yang bahagian sebelah atasnya telah patah itu didapati mengandungi tulisan khat yang dipahat timbul. Susunan tulisan khat itu unik. Dalam tahun 1921, seorang sarjana Belanda bernama J.P. Moquette telah dapat membaca tulisan berbahasa Arab pada nisan tersebut.

Terdapat sebuah lagi nisan yang telah ditemui juga di persekitaran Bukit St. Paul, dipercayai nisan makam Sultan Muzaffar Syah, Sultan Melaka yang kelima (1446—1456 Masihi). Batu nisan itu kini tersimpan di Muzium Sejarah di Melaka.

Hadzihi al-raudzat al-mukaddasat al-mutahharat al-zawiyat al-safiyat al-munaw-

warat lil Sultan al-adil wa'l-malik al-badzil al-Sultan Mansur Syah ibni Muzaffar Syah al-marhum: Qad intaqala min dar al-mahal(i) ila dari i'l-ma'al(i) yawm al-Arba'a min Rejab, sanat ithanataini wa thamanina wathamanumiata.

Terjemahannya:
"Inilah kubur yang suci yang kudus makam yang bergemerlapan cahayanya kepunyaan sultan yang adil dan raja yang pemurah iaitu Sultan Mansur Syah ibni al-marhum Muzaffar Syah, sesungguhnya telah berpindah ia dari negeri berubah-ubah (yang baru) ini ke negeri tempat kembali yang penyudah, pada hari Rabu, bulan Rejab, tahun dua dan lapan puluh dan lapan ratus" (882 Hijrah bersamaan 1477 Masihi).

Plat 4.47: Batu nisan pada makam Sultan Mansor Syah, Sultan Melaka 1456 – 1477 masehi.



Di sebelah penampang yang bertulis itu terdapat pula tulisan-tulisan yang sebahagiannya telah hilang dan rosak. Walau bagaimanapun, dua rangkap yang di sebelah atas dapat dibaca oleh J.P. Moquette. Rangkap-rangkap tersebut hampir sama dengan rangkap di sebelah atas pada nisan Malik al-Salih.

Tulisan pada penampang tersebut adalah seperti yang berikut:

انما الدنياء ليس الدنيا ثبوت
الا انما الدنيا كبيت نسبه العنكبوت

Terjemahannya:
Sesungguhnya dunia ini fana, dunia ini tidak kekal. Sesungguhnya dunia ini ibarat sarang yang ditenun oleh labah-labah....

Dua buah lagi nisan berusia tua yang sezaman dengan kerajaan Melayu Melaka yang masih wujud ialah nisan Nakhoda Haji Kambaiy yang bertarikh tahun 863 Hijrah (1459 Masihi) dan yang sebuah lagi tercatat nama Ismail Haji Nasaruddin, bertarikh tahun 884 Hijrah (1480 Masihi). Letak asal makam kedua-dua buah nisan ini tidak diketahui jelas.

Tulisan pada nisan Ismail Haji Nasaruddin berbunyi:

المحتاج الى رحمة الله
الملك الجليل البار (ي)
اسماعيل بن حاجي ناصرالدين بن
اسماعيل لاي

Terjemahannya:
Harapan kita hanyalah kepada keredaan Allah, Pencipta! Ismail anak lelaki kepada Haji Nasru'd-din anak lelaki kepada Ismail Lai.

Manakala tulisan pada penampang belakangberbunyi:

Pada hari kelima dalam bulan Zulkaedah pada malam Jumaat, tahun 889 Hijrah Nabi S.A.W. (18 Januari 1480 Masihi).

J.P. Moquette juga telah dapat membaca tulisan pada nisan Nakhoda Haji al-Kanbaiy yang berbunyi:

Terjemahannya:
Ini adalah kubur seorang alim yang telah meninggal dan mendapat kesayangan Tuhan, Nakhoda Haji Kanbaiy putera kepada Jamaluddin, yang telah meninggal dunia pada 9 haribulan Syawal tahun 863 H (9 Ogos 1459 M).

Tulisan yang terdapat pada sisi nisan adalah seperti yang berikut:

Terjemahannya:
Kalimah Allah dan salawat ke atas Muhammad
Tiap-tiap yang berada di dunia akan mati
Tetapi muka Allah akan kekal
dalam keagungan dan kejayaan

Plat 4.48, 4.49: Batu nisan pada makam Nakhoda Haji Kambaiy, penampang depan dan belakang.

Kita juga masih beruntung kerana seorang raja atau Sultan Melaka mangkat dan dimakamkan di luar Melaka makam tersebut terselamat daripada dimusnahkan. Makam itu ialah makam Sultan Alauddin Riayat Syah, Sultan Melaka yang ketujuh (1477—1488 Masihi), yang terletak di Kampung Raja, Pagoh, Muar. Kemangkatan Sultan Alauddin Riayat Syah di Pagoh itu menurut *Sulalatus-Salatin (Sejarah Melayu)* kerana diracun. Baginda berwasiat apabila baginda mangkat, baginda hendaklah dimakamkan di luar Melaka iaitu di Pagoh, tempat baginda bersemayam dan berubat.

Sewaktu pemerintahan Sultan Mansur Syah, agama Islam telah tersebar luas ke negeri-negeri yang di bawah pengaruh kerajaan empayar Melaka, seperti Siak, Kampar, Singapura, Bentan, Ungaran, Sening Hujung, Jeram dan beberapa buah negeri di Semenanjung Malaysia, seperti Kedah, Pahang, Terengganu, Kelantan, dan sebagainya.

Plat 4.50: Batu bersurat Syeikh Ahmad Majnu, di Kompleks Sejarah Pangkalan Kempas, Negeri Sembilan.

Agama Islam yang berkembang di jajahan Melaka itu tidak mengalami sebarang halangan atau tentangan yang merosakkan agama itu. Dalam pada itu, terdapat seorang tokoh agama Islam yang dikatakan tidak sealiran dengan ulama di Melaka, iaitu Syeikh Ahmad Majanu. Beliau mengembangkan ajaran mazhab yang tidak sealiran dengan mazhab ulama dalam lingkungan kesultanan Melaka. Syeikh Ahmad Majanu dan pengikutnya meneruskan kegiatannya hingga kemudian Sultan Mansur Syah terpaksa menghantar tenteranya untuk membendung dan memusnahkan kegiatan ulama itu. Akhirnya, Syeikh Ahmad Majanu terkorban, lalu pengikutnya mendirikan batu bersurat di sisi makamnya.

Batu bersurat tersebut diukir dengan nukilan dalam bahasa Melayu menggunakan huruf Kawi atau huruf Jawa kuno, di samping menggunakan tulisan Jawi. Makam dan batu bersurat Syeikh Ahmad Majanu itu kini dapat dilihat di Kompleks Sejarah Pangkalan Kempas, berhampiran Port Dickson.

Peta 9: Lokasi batu bersurat di Melaka dan daerah Muar.





Plat 4.51: Makam Syeikh Ahmad Majnu.



Tulisan yang terpahat pada batu bersurat Syeikh Ahmad Majanu itu merupakan peninggalan epigrafi sejarah dalam bahasa Melayu yang menggabungkan huruf Kawi atau huruf Jawa kuno dengan tulisan Jawi berusia tua yang pernah dijumpai di Malaysia. Tulisan-tulisan pada batu bersurat tersebut telah dibaca oleh J.G. de Casparis dan tersiar di dalam *JMBRAS,* jil III, bhg I, 1980. Di sini kami perturunkan tulisan tersebut:

Pada penampang utara terdapat tulisan Kawi/ bahasa Melayu/Jawa kuno seperti yang berikut:

bismi'llahi'l-rahmani'l-rahimi
dara buta buka ata-
tada milikna Ah-
mat Majanu berbawat
daya/seda ahmat
Pwan balat anak sadang
Ahmad Majanu ma malaga
pada alah



Pada penampang selatan terukir tulisan Kawi bahasa Melayu/Jawa kuno:

bismi'llahi'l-rahmani'l-rahimi
pertama Ahmad Maja-
nu masuk ke jalan tat-
kala raja-raja danan ba-
tun barah talang ketangkap
lalagi phana wassalam
1385

Dalam nukilan huruf Kawi itu tercatat nama Ahmad Majanu yang terbunuh dalam suatu peperangan pada tahun 1385 (tahun Jawa atau tahun Saka yang bersamaan tahun 1463/64 Masihi). Manakala dalam nukilan huruf Jawi pula tercatat bahawa Ahmad Majanu meninggal pada tahun 872 Hijrah. (1467/68 Masihi). Tarikh yang berbeza yang tercatat pada nukilan Jawa kuno dan nukilan Jawi itu masih dipersoalkan.

Menurut Casparis, ayat dalam nukilan Kawi pada penampang utara bermaksud begini: *"Dengan nama Allah yang Maha Pengasih, lagi Penyayang, makam ini kepunyaan Ahmad Majanu, wira yang berjuang. Ahmad gugur bersama-sama isteri Balat dan anak lelakinya. Semasa berjuang dia gugur."*

Nukilan Kawi pada penampang selatan bermaksud begini:

> *"Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Penyayang Ahmad Majanu adalah yang mula-mula muncul di tepi jalan ketika raja dan Tun (?) Barah Talanga ditangkap. Akhirnya beliau ghaib (dalam tahun Saka 1385)."*



Nukilan huruf Jawi tidak semua dapat dibaca oleh Dr J.G. de Casparis. Walau bagaimanapun, beliau memberi beberapa andaian dan makna ayat-ayat yang setengah-setengahnya sukar difahami. Menurut Casparis, dalam nuklian Jawi ada ejaan Melayu yang menyebut "delapan ratus tujuh puluh dua tahun (872 Hijrah)." Tarikh ini bersamaan dengan tahun 1467/68 Masihi. Kedua-dua penampang bertulisan Jawi yang telah dibaca oleh Tuan Haji Jajuli berbunyi:

هذا دار الاجار بنعمة الله مقام شيخ احمد
مجنون مالم راي فركي مولاي سنة فد
هجرة صلى الله عليه وسلم دري
لافن راوس هجرة نبي لبه دوا مالم
فد ... سلطان منصور رضى الله عنه
ابن ...

Pada masa pemerintahan Sultan Mansur Syah juga telah terdiri kerajaan Melayu Pahang, dan raja yang memerintah kerajaan itu bergelar Sultan. Sultan Pahang yang pertama ialah Sultan Muhammad Syah. Makam Sultan Pahang yang nisannya bertarikh itu dijumpai di Kampung Dusun Pinang, Langgar, Pahang Tua, Pekan. Tulisan pada batu nisan itu membuktikan bahawa dalam abad kelima belas sudah bertapak sebuah kerajaan Islam yang menggantikan kerajaan yang terdahulu daripada itu yang dipengaruhi oleh agama Hindu/Buddha.

Makam Sultan Muhammad Syah itu terletak di tanah pamah berhampiran dengan rumah pam Kampung Dusun Pinang. Oleh kerana nisan tersebut sering ditenggelami air banjir dari Sungai Pahang tua yang jaraknya kira-kira 200 meter dari makam itu, maka pihak Muzium Sultan Abu Bakar, Pahang telah mengalih nisan tersebut dan meletakkannya di atas sebuah binaan yang dibuat daripada

simen, kira-kira dua meter dari paras tanah. Dengan yang demikian, terselamatlah nisan bertulis itu daripada hakisan air banjir pada musim banjir di Pahang.

Sebelum pemerintahan Sultan Muhammad Syah I, Sultan Pahang yang pertama beragama Islam memerintah Pahang. Sebelum itu Pahang hanya diwakili oleh seorang pembesar Melaka bernama Tun Hamzah (Datuk Bongkok) yang bergelar Dato' Seri Bija Diraja. Beliau mengambil alih pemerintahan Maharaja Dewa Sura, iaitu pemerintah Pahang yang bukan beragama Islam. Pentadbiran Pahang ketika itu di bawah pengawasan Siam yang diwakilkan kepada Raja Ligor.

Kira-kira dalam tahun 1454, Sultan Mansur Syah Melaka telah menghantar sebuah angkatan perang untuk menyerang Pahang. Angkatan itu berjaya mengalahkan Pahang yang diperintah oleh Maharaja Dewa Sura. Sultan Mansur Syah menitahkan Tun Hamzah memerintah Pahang.

Seorang daripada puteri Maharaja Dewa Sura yang bernama Puteri Wanang Seri atau dikenal sebagai Puteri Lela Wangsa telah diperisterikan oleh Sultan Mansur Syah dan mereka beroleh dua orang putera, seorang bernama Raja Ahmad dan seorang lagi bernama Raja Muhammad.

Kira-kira dalam tahun 1469, Raja Muhammad dihantar untuk merajai negeri Pahang, mengambil alih pemerintahan Tun Hamzah. Setelah memerintah Pahang kira-kira enam tahun, Raja Muhammad yang bergelar Sultan Muhammad Syah mangkat di Dusun Pinang, Langgar, Pahang Tua. Pada batu nisan itu terdapat catatan jurai keturunan dan tarikh kemangkatannya iaitu 16 Jamadilawal 880 Hijrah, bersamaan dengan 17 September 1475 Masihi.

Plat 4.56: Penampang selatan nisan kaki makam Sultan Muhammad Syah I, Dusun Pinang, Langgar, Pekan, Pahang.





Plat 4.57: Nisan pada makam Sultan Muhammad Syah I tertulis nama baginda.

Kesemua penampang pada batu nisan Sultan Muhammad Syah mengandungi tulisan dan penampang selatan pada batu nisan kepala yang bertulis Arab itu telah dapat dibaca dan terjemahannya bermaksud:

"Telah mangkat Sultan Muhammad Syah (yang telah mendapat kasih dari Tuhan) putera kepada Sultan Mansur Syah, putera Almarhum Muhammad Syah (semoga semuanya telah mendapat belas kasihan daripada Tuhan) pada malam Rabu hari keenam belas dan bulan Jamadilawal, tahun 880 Hijrah.

Pada penampang selatan nisan kaki terukir Ayat Kursi, yang berbunyi seperti yang berikut:

بسم الله الرحمن الرحيم
في الا
رضى من ذى (دا)
الذى يشفع
عنده الا باذنه
يعلم ما بين
ايديهم وما
خلفهم ولا ....

Ayat ini bermaksud:
Ada di bumi
tiada sesiapa yang dapat memberi syafaat (pertolongan)
di sisi-Nya
melainkan dengan izin-Nya,
yang mengetahui apa yang ada di hadapan mereka dan apa
yang ada di belakang mereka,
sedang mereka tidak ....

Tentang siapakah yang sebenarnya menjadi suami Raja Fatimah, puteri Sultan Alauddin Riayat Syah Melaka ini juga masih menjadi tanda tanya. Sungguhpun di dalam *Bustanus-Salatin* (Iskandar, 1966) tersebut bahawa Raja Fatimah pernah berkahwin dengan Sultan Mansur Syah I (Sultan Pahang yang keempat yang makamnya terletak

Plat 4.58: Batu nisan yang dijumpai berhampiran dengan makam Sultan Muhammad Syah, di Dusun Pinang, Langgar, Pekan Pahang.

bersama-sama makam ayahandanya Sultan Ahmad di Lubuk Pelang. Catatan dalam *Bustanus-Salatin* itu kira-kira dapat diterima. *Sejarah Melayu* (suntingan Abdul Samad Ahmad, 1979) pula menyebut bahawa Raja Fatimah pernah berkahwin dengan Raja Ahmad anak Raja Pahang, manakala *Sejarah Pahang* (W. Linehan, 1936) pula menyebut bahawa



Plat 4.59: Kompleks Makam Ziarat Raja Raden, terdapat makam Sultan Abdul Jamil dan juga makam Raja Fatimah.

Raja Fatimah pernah berkahwin dengan Sultan Abdul Jamil, Sultan Pahang yang ketiga (1494—1511/12 Masihi).

Raja Fatimah mangkat pada 15 Syawal 900 Hijrah, bersamaan 7 Julai 1495 Masihi. Tarikh ini terukir dengan jelas pada batu nisan sebelah kepala di makamnya. Tulisan-tulisan yang terpahat pada semua penampang di kedua-dua batu nisannya itu diturunkan di sini:

Pada penampang selatan nisan kepala tertulis,

الغفور
الهجرة النبى صلى
الله عليه وسلم
سمبيلن راتس تاهن
ليم بلس هاري

Terjemahan:
Tuhan yang Maha Pengampun
Hijrah Nabi S.A.W.
Sembilan ratus tahun
lima belas hari

Plat 4.60: Batu nisan pada makam Raja Fatimah, di Kompleks Makam Ziarat Raja Raden, Pekan Pahang.

Pada penampang utara nisan kepala tertulis,

بولن شوال
مالم اثنين را
فاطمه ج كبا
ل كرحمة الله

Terjemahan:
Bulan Syawal
Malam Isnin (Ra)
Fatimah ja kembali
Ke rahmatullah.

Pada penampang selatan nisan kaki tertulis,

لا اله الا الله
محمد رسول الله
خلقت من التراب
واليه اموت وعد

Terjemahan:
Tiada Tuhan melainkan Allah
Nabi Muhammad pesuruh Allah
Dijadikan daripada tanah
dan kepadanya kembali dan mati

Pada penampang timur nisan kepala tertulis,

الموت باب العذاب والقبر صندوق العذاب

Terjemahan:

Kematian adalah pintu menuju penderitaan dan kubur adalah keranda untuk mengalami seksaan.

Pada penampang timur nisan kaki tertulis,

يا قارئنا فى بناه افلا تشغل عسن طول الامل

Terjemahan:

Wahai pembaca dalam binaan (bangunan) apakah tidak engkau sibuk mengejar cita-cita.

Pada penampang utara nisan kaki tertulis,

Terjemahan:

Yang Maha Besar
Aku hairan kepada orang mencari dunia
Walhal mati mencari-carinya
Aku hairan pada orang-orang yang mempunyai mahligai
Walhal kubur juga tempat bersemadinya.

الجلال

عجبت لطالب الدنيا

والموت يطلبه

عجبت لصاحب القصر

والقبر منزله

Salah satu nisan yang bertarikh selepas abad ke-15, ialah nisan Sultan Abdul Jamil. Makamnya terletak di Kompleks Makam Ziarat Raja Raden di Pekan. Menurut sejarah Pahang, Sultan Abdul Jamil mula memerintah negeri Pahang kira-kira pada tahun 1494, iaitu selepas ayahanda baginda, Sultan Ahmad, turun dari takhta kerajaan Pahang secara sukarela kerana terhina lantaran perbuatan Hang Nadim melarikan Tun Teja, anak Bendahara Pahang. Satu lagi peristiwa yang memalukan baginda ialah apabila gajah kenderaan baginda dilarikan orang besar Melaka ke Melaka. Peristiwa-peristiwa ini ada disebutkan dengan jelas dalam sejarah Pahang dan juga *Sejarah Melayu (Sulalatus-Salatin)*

Sultan Ahmad yang turun dari takhta kerajaan Pahang itu kemudian mengasingkan diri ke Lubung Pelang. Di sana baginda melantik puteranya, Raja Mansur, menjadi Sultan Pahang, dengan gelaran Sultan Mansur Syah. Jadi, ada dua orang sultan yang memerintah Pahang ketika itu.

Pemerintahan kedua-dua sultan di Pahang pada masa yang sama itu tidaklah menjadi masalah ataupun menimbulkan perselisihan. Ini terbukti apabila kedua-dua Sultan Pahang itu bermuafakat menentang serangan angkatan tentera Ligor yang datang menyerang Pahang dalam tahun 1500 Masihi.

Dalam tahun 1511, Melaka dialahkan oleh Portugis. Sultan Mahmud yang memerintah Melaka terpaksa berundur ke beberapa tempat dan akhirnya baginda ke Pahang. Sewaktu Sultan Mahmud Syah di Pahang itulah (kira-kira pada tahun 1511/12 Masihi), Sultan Abdul Jamil mangkat. Baginda dimakamkan di Makam Ziarat Raja Raden. Di dalam *Bustanus-Salatin,* makam tersebut disebut Makam Ziarat yang letaknya di Pekan Lama, tidak jauh dari bandar Pekan sekarang.

Makam Sultan Abdul Jamil telah dikenal pasti kerana pada batu nisannya terukir nama baginda dan juga tarikh kemangkatannya, iaitu 917 Hijrah,



العزيز الجبار المتكبر سبحان الله عما يشركون
هو الله الخالق البارئ المصور له الا
اسماء الحسنى يسبح له ما فى السموات الارض
وهو العزيز الحكيم .

يعلم ما بين ايديهم وما خلفهم ولا يحيطون
بشىء من علمه الا بما شاء
وسع كرسيه السموات والارض
ولا يؤده حفظهما وهو العلى العظيم



bersamaan dengan tahun 1511/12 Masihi. Pada nisan tersebut terdapat sedikit kekeliruan kerana tercatat nama Abdul Jalil. Menurut ahli sejarah, hal ini mungkin disebabkan tersalah pahat. Batu nisan tersebut juga dipercayai dibuat di Aceh.

Tulisan-tulisan yang terpahat pada batu nisan Sultan Abdul Jamil, Sultan Pahang ketiga daripada zuriat Kesultanan Melaka itu telah dibaca oleh W. Linehan (1936) dengan kerjasama Engku Abdul Hamid bin Abdul Majid, pengkaji sejarah dari Johor pada waktu itu. Tulisan-tulisan tersebut diturunkan semula di sini.

Pada penampang selatan nisan kepala tertulis,

Terjemahan:

Yang Maha Perkasa, Yang Gagah, Yang Tinggi kejayaan Tuhan adalah lebih daripada mereka yang ingin bersatu dengan-Nya.

Dia ialah Tuhan yang menjadikan, Pencipta dan Pereka, semuanya adalah milik-Nya.

Gelaran yang mulia, apa sahaja di syurga dan di dunia memuji-Nya. Dialah Yang Perkasa dan Yang Bijaksana.

Pada penampang timur nisan kepala tertulis,

Terjemahan:

Dia (Allah) mengetahui apa-apa yang di hadapan mereka, di belakang mereka, dan mereka tidak mengetahui apa-apa daripada ilmu Allah, melainkan apa yang dikehendakinya.

Kursi (kekuasaan) Allah meliputi langit dan bumi.

Dan Dia (Allah) tidak merasa berat memelihara (keluarga) dan Dia (Allah) Maha Tinggi lagi Maha Berkuasa.



Pada penampang utara nisan kepala tertulis,

هو الله الذى لا اله الا هو عالم الغيب
والشهادة هو الرحمن الرحيم هو الله الذى لا اله
الا هو الملك القدوس السلام المؤمن المهيمن.

Terjemahan:

Dialah Allah dan tiada Tuhan (yang lain) daripada-Nya, Dia Maha Mengetahui apa yang ghaib.

Dan Yang Maha Melihat, Dialah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

Dialah Raja, Yang Maha Suci, Yang Aman Sejahtera.

Pada penampang barat nisan kepala tertulis,

الله لا اله الا هو الحى القيوم . لا تأخذه سنة
ولا نوم له ما فى السموات وما فى الارض
من ذا الذي يشفع عنده الا باذنه .

Terjemahan:

Tuhan! Tiada Tuhan selain Dia, Yang hidup, Yang Abadi

Yang Tetap Hidup, Yang Kekal dan Yang Tidak Mengantuk usahkan tidur. Dia adalah segala-galanya di syurga. dan di dunia. Siapakah yang dapat mengatasi-Nya kecuali dengan kebenaran-Nya.



Pada penampang selatan nisan kaki tertulis,

هذا القبر الجميل الجليل للمسمى المورخ عبد الجليل
المنتقل من دار الدنيا الى دار الاخرة السابع
عشر وتسعمات من انتقال خير البريه عليه
افضل الصلوات وازكى التحيت .

Terjemahan:

Kubur ini adalah makam Sultan Abdul Jamil (Abdul Jalil)

Baginda telah berpindah (mangkat) dari alam dunia ke alam akhirat pada tahun 917 Hijrah (tahun 1511/12 Masihi)

Perpindahan itu adalah sebaik-baik tempat keinsanan dan sebaik-baik rahmat.



Pada penampang timur nisan kaki tertulis,

الموت باب وكل الناس داخله فليت شعرى
بعد الموت ما الدار الدار جنت عدن ان
عملت بما يرضى الاله وان خالفت فالنار

Terjemahan:

Maut merupakan satu pintu yang mesti ditempuhi setiap insan.

Syurga ada sekiranya amalan kebajikanku diredai Allah

Sekiranya aku melampau batas api nerakalah tempatnya.

Pada penampang utara nisan kaki tertulis,

الا انما الدنيا فنا ليس الدنيا ثبوت . انما
الدنيا كبيت نسجها العنكبوت منها ولقد
يكفيك ايها الظاعن قوت وقليل العمر
فيها لك مهموم .

Ayat ini telah disusun semula oleh W. Linehan seperti yang berikut:

الا انما الدنيا فنا ليس الدنيا ثبوت
انما الدنيا كبيت نسجها العنكبوت
ايها الظاعن منها ولقد يكفيك قوت
وقليل العمر فيها لك مهموم صموت

Terjemahannya:

Wahai (ingatlah) sesungguhnya dunia ini fana tiada akan kekal.

Sesungguhnya dunia ini umpama sarang yang ditenun oleh labah-labah.

Hai mereka yang akan berpisah dengan dunia, memadailah dengan apa yang telah engkau perolehi.

Dalam usianya yang terlalu pendek, engkau dirundung duka nestapa.



Pada penampang barat nisan kaki tertulis,

هما محلان ما للناس غيرهما فاختر لنفسك اي
الدار تختار ما للعاطين سوى الغفار ذو كرم.
وان هفوا هفوة فالرب الغفار

Plat 4.61: Batu nisan bertulis makam Sultan Abdul Jamil.

Menurut W. Linehan ayat tersebut sepatutnya disusun begini:

هما محلان ما للناس غيرهما فاختر لنفسك اي
الدار تختار ما للعالمين سوى الغفار ذو كرم.
وان هفوا هفوة فالرب الغفار

Tidak ada tempat melainkan yang dua ini untuk semua manusia
Tidak yang lain melainkan Allah Yang Maha Penyayang lagi Maha Pengampun.

Di sisi makam Sultan Abdul Jamil terdapat sebuah lagi makam yang belum dikenal pasti. Menurut cerita lisan penduduk tempatan makam itu makam salah seorang daripada keluarga Sultan Abdul Jamil. Dalam buku ini kami menamai "Makam Ziarat 3". Kesemua penampang pada batu nisan tersebut telah diukir dengan tulisan yang begitu indah. Tulisan-tulisan pada batu nisan tersebut adalah seperti yang berikut,

Pada penampang utara nisan kaki tertulis,

لا اله الا الله
وفارقوا الاهل والاوطان واغتربو
وكابدوا الليل ولاحزان كازمانا
المال يستر كل عيب ظاهر والفقر يظهر
كل عيب ساتر.

Terjemahan:
Tiada Tuhan melainkan Allah.
Berpisahlah dengan kaum keluarga, tanahair dan berdaganglah kamu.
Malam menyembunyikan duka nestapa
Harta menutup segala keaiban dan kemiskinan menzahirkannya.



Tulisan pada penampang utara nisan kepala adalah seperti yang berikut:

لا اله الا الله

قل اللهم مالك الملك تؤتى الملك من تشاء
وتنزع الملك من تشاء وتعز من تشاء وتذل
من تشاء بيدك الخير انك على كل شئ قدير
تولج الليل فى النهار وتولج النهار فى الليل .

Terjemahan:

Tiada Tuhan Melainkan Allah

Katakanlah: Ya Allah yang mempunyai takhta (kuasa). Kami kurniakannya kepada sesiapa di antara kamu dan kamu ambil.

Takhta yang daripada sesiapa daripada kamu yang telah diamanahkan. Kami cemerlangkan sesiapa yang diamanahkan dan kami merendah diri kepada sesiapa yang diamanahkan. Semua kebaikan adalah di tangan kamu. Sebenarnya kami

Mempunyai kuasa di atas segala-galanya. Kami menyebabkan malam berlaku menjadi hari dan kami juga menyebabkan hari bertukar malam.

Pada penampang selatan nisan kepala tertulis,

لا اله الا الله

شهد الله انه لا اله هو والملئكة واولوا العلم
قائما بالقسط لا اله الا هو العزيز الحكيم
ان الدين عند الله الاسلام .



Terjemahan:

Tiada Tuhan melainkan Allah

Allah telah menyatakan bahawa tiada Tuhan selain daripada-Nya, telah mengaku pula malaikat dan orang-orang yang berpengetahuan, sedangkan Allah Taala itu berdiri dengan adilnya.

Tiada Tuhan selain daripada-Nya, Ia Perkasa lagi Bijaksana.

Sesungguhnya agama di sisi Allah itu adalah agama Islam.



Pada nisan kaki penampang selatan juga terdapat tulisan yang hingga kini belum lagi dapat difahami.

Tidak jauh dari kompleks Makam Ziarat Raja Raden terdapat sebuah lagi kompleks makam yang disebut Makam Nibong, atau dikenali juga sebagai Makam Tembuni. Di situ terdapat tujuh buah makam yang menggunakan nisan batu Aceh, antaranya terdapat sebuah makam yang nisannya bertulis, tetapi tidak mencatatkan nama dan juga tarikh si mati meninggal dunia. Menurut sejarah Pahang, nisan yang bertulis itu dipercayai makam Sultan Zainal Abidin, iaitu Sultan Pahang yang mangkat pada kira-kira tahun 1550 Masihi. Sultan Zainal Abidin dikatakan dibunuh oleh seorang putera baginda yang dikenali dalam sejarah sebagai "Putera yang jahat laku", nama sebenar putera

tersebut tidak diketahui dengan jelas. Tulisan-tulisan pada batu nisan tertentu ialah seperti yang berikut,

Pada penampang utara nisan kepala tertulis,

لا اله الا الله
هو الله الخالق البارى المصور له ال
اسماء الحسنى له ما فى السموات
والارض وهو العزيز الحكيم .

Terjemahan:

Tiada Tuhan melainkan Allah
Dia Allah Yang Maha Pencipta yang memiliki
Nama-nama yang amat baik bagi-Nya yang terdapat di langit
dan di bumi dan Dialah Yang Maha Mulia lagi Maha Bijaksana.

Plat 4.63: Batu nisan bertulis yang dijumpai di komplek makam Nibong, Pekan Pahang.

Pada penampang selatan nisan kepala tertulis,

محمد رسول الله
شهد الله انه لا اله الا هو والملائكة
واولوا العلم قائما بالقسط لا اله
الا هو العزيز الحكيم .

Terjemahan :

Muhammad Rasulullah
Allah telah menyatakan bahawa tiada Tuhan selain daripada-Nya, telah mengaku pula malaikat
dan orang-orang yang berpengetahuan, sedangkan Allah Taala berdiri dengan adil.
Tiada Tuhan selain daripada-Nya, yang Perkasa lagi Bijaksana.

Pada penampang utara nisan kaki tertulis ayat yang berikut:

والموت باب
الموت باب وكل الناس داخله
الموت كاس وكل الناس شاربه
الناس نيام فاذا ماتوا انتبهوا

Terjemahan:
Dan kematian itu adalah pintu
Kematian adalah pintu bagi semua manusia masuk
Kematian adalah gelas darinya semua manusia minum
Manusia tidur semasa mereka hidup, namun mereka berjaga apabila mereka mati.

Pada penampang selatan nisan kaki tertulis,

وكل الناس داخله
حكم الميت فى البريت جاري
ما هذه الدنيا بدار قرار
الناس نيام فاذا ماتوا انتبهوا

Terjemahan:
Di mana manusia semua masuk
Maut telah ditentukan kepada semua makhluk dan tidak dapat dielakkan.
Dunia ini tidak akan kekal selama-lamanya.
Manusia tidur semasa mereka masih hidup, tetapi mereka berjaga apabila sudah mati.

Di Sayong Pinang, Kota Tinggi, Johor, terdapat makam Raja Sulaiman, putera Sultan Mansur Syah. Raja Sulaiman mangkat di Sayong Pinang selepas berundur dari Melaka pada tahun 1511. Baginda dipercayai mangkat sebelum Sultan Mahmud Syah berpindah ke Bentan. Tulisan-tulisan yang terdapat pada batu nisan itu menurut pendapat Engku Abdul Hamid bin Engku Abdul Majid (1950 dan 1932) adalah seperti yang berikut:

Pada penampang utara nisan kepala makam itu tertulis ayat,

كل شئ هالك الا وجهه

هذا القبر المرحوم سليمان شاه ابن سلطان منصور شاه ابن سلطان مظفر شاه .

Terjemahan:

"Inilah makam Sulaiman Syah ibni Sultan Mansur Syah ibni Sultan Muzaffar Syah".

Pada penampang utara nisan kepala tertulis Ayat Kursi,

الله لا اله
الا هو الحى القيوم
لا تأخذه سنة ولا نوم له ما فى
السموات وما فى الارض من ذ
الذى يشفع عنده الا باذنه

Terjemahan:

Allah, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang Tetap Hidup, Yang Kekal selama-lamanya mentadbirkan (sekalian makhluk-Nya). Yang tidak mengantuk, usahkan tidur. Yang memiliki segala yang ada di langit dan yang ada di bumi. Tiada sesiapa yang dapat ...

Pada penampang utara nisan kaki tertulis sambungan Ayat Kursi tadi yang berbunyi,

يعلم ما بين ايديهم
وما خلفهم ولا يحيطون بشئ
من علمه الا بما شاء وسع كرسيه
السموات والارض ولا
يؤده حفظهما وهو العلى العظيم

Terjemahan:

Memberi syafaat (pertolongan) di sisi-Nya melainkan dengan izin-Nya. Yang mengetahui apa yang ada di hadapan mereka dan apa yang ada di belakang mereka, sedang mereka tidak mengetahui sesuatu pun dari (kandungan) ilmu Allah melainkan apa yang Allah kehendak. Luasnya Kursi Allah meliputi



Plat 4.64, 4.65: Batu nisan pada makam Raja Sulaiman Ibni Almarhum Sultan Mansur Syah.

Plat 4.66: Nisan bertulis dijumpai di komplek makam laksemana Bentan, di Kota Tinggi, Johor.

langit dan bumi dan tiadalah menjadi keberatan kepada Allah menjaga serta memelihara kedua-duanya (langit dan bumi). Dan Dialah yang Maha Tinggi (darjat kemuliaan-Nya), lagi Maha Besar (kekuasaan-Nya).

Di samping batu-batu bersurat yang tersebut tadi telah ditemui beberapa buah batu bersurat lain, tetapi, sehingga hari ini batu-batu itu masih belum lagi dapat ditentukan tarikhnya kerana kesemuanya tidak bertarikh, kecuali tulisan-tulisan khat yang indah. Ada setengah-setengah batu nisan itu dikaitkan dengan tokoh-tokoh dalam sejarah tempatan, contohnya seperti Makam Nang Cayang, seorang raja perempuan Pattani yang mangkat di Kelantan, makam sultan Kedah di Kota Si putih (Abad ke-14 hingga 16), Makam Tujuh di Sayong Pinang (abad ke-16), makam di Kompleks Laksamana Bentan, Kampung Kelantan, Kota Tinggi (1600–1699 Masihi), Makam Condong di Pekan (1600–1650 Masihi), Makam lama di Kuala Pahang (1500–1601 Masihi), Makam Seberang Tok Soh (1400–1500 Masihi), Makam Tok Pasai, Kuala Kedah (1500–1600 Masihi), Makam Tok Temong Kuala Kangsar (1500–1550 Masihi), makam-makam berusia tua di Kompleks Makam Diraja Langgar, Kedah dan lain-lain lagi.

Peta 10: Lokasi batu bersurat sepanjang sungai Johor.



Plat 4.67: Salah sebuah nisan jenis Batu Aceh yang terdapat di komplek makam Chondong, Pekan, Pahang, di komplek makam ini terdapat makam Raja Muda Abdullah (Almahrum muda Pahang), dan makam Puteri Bungsu Cendera Dwai, (Ibunda Sultan Iskander Thami, Sultan Aceh 1636–1641M).

Plat 4.68: Batu tersilah Brunei, mencatatkan salasilah kesultanan Brunei.

Dengan ihsan Jabatan Muzium Brunei Darusallam.

Epigrafi Islam di Negara Brunei Darussalam

Jumpaan beberapa buah makam lama yang mempunyai tarikh yang agak awal di negara Brunei Darussalam sejak akhir-akhir ini telah menjadi bukti yang kukuh dakwaan setengah-setengah ahli sejarah tempatan bahawa agama Islam yang datang ke Nusantara ini lebih dahulu sampai ke Brunei Darussalam. Agama Islam disebarkan ke negeri ini oleh pendakwah Islam yang datang dari selatan negeri Cina melalui Vietnam dan Kampuchea (Kemboja).

Penyelidikan yang dibuat oleh pihak Jabatan Muzium Brunei dan Pusat Sejarah Brunei telah menemui beberapa buah makam orang Islam yang mempunyai tarikh yang agak awal. Bukti-bukti ini pasti akan mendorong para pengkaji menganalisis semula sejarah kedatangan Islam ke Nusantara.

Antara makam Islam yang berusia tua yang dijumpai Makam Puteri (Makhdarah atau Roqayah) bertarikh 440 Hijrah (1048 Masihi) yang terletak di kawasan perkuburan di Jalan Residency, Bandar Seri Begawan. Tulisan-tulisan pada semua penampang batu nisan tersebut menurut Abdul Latif Ibrahim (1979) ialah seperti yang berikut:

فخر النساء المخد بنت ... على زمان (؟)

Terjemahan:
Fakhr(?) seorang perempuan Makdarah binti ...(?) 'Ali('Ala?) zaman (?).

Tulisan pada bahagian atas,

الكنينة وهى مائة .... (؟)

Terjemahan:
Alkunainah iaitu seratus ....(?)

Tulisan bulat di tengah-tengahnya,

(تم) هجرة النبى صلى الله عليه وسلم

Terjemahan:
( ) dari hijrah Nabi Sallalahu 'alaihi wassalam.

Tulisan di tengah-tengah sebelah bawah,

... سلطان عبد المجيد ... ابن محمد شاه سلطان

Terjemahan:
.... Sultan Abdul Majid ... ibnu Muhammad Syah al-Sultan.

Catatan-catatan yang terdapat pada batu nisan tersebut dengan jelas membuktikan bahawa di makam itu disemadikan Makhdarah (Roqayah) keturunan Sultan Abdul Majid, yang meninggal dunia pada tahun 440 Hijrah (1048 Masihi). Siapa Makhdarah atau Roqayah dan siapa Sultan Abdul Majid itu masih belum lagi dapat dipastikan, kerana dalam jurai kesultanan Brunei tidak terdapat nama Sultan Abdul Majid. Dalam sejarah kesultanan Brunei, sultan yang pertama memerintah Brunei ialah Sultan Muhammad yang memerintah pada akhir abad ke-14 atau awal abad ke-15.

Di Kompleks Perkuburan Kampung Limbungan, pihak Jabatan Muzium Brunei telah menemui sebuah lagi makam yang mempunyai tarikh tahun 821 Hijrah (1418 Masihi). Makam yang dianggap bertarikh awal itu juga masih belum dapat dikenalpasti makam siapa kerana tidak terdapat sebarang nama pada batu nisan tersebut.



Plat 4.69, 4.70: Batu nisan pada makam makhdarah (Roqayah) di Brunei Darusallam, bertarikh 440 Hijrah (1048 M).

Plat 4.71: Batu nisan Tuan Pu bertarikh 1264 M yang terdapat diperkuburan Islam Ranggas, Bandar Seri Begawan. Tuan Pu dipercayai berugama Islam.

Dengan ihsan Jabatan Muzium Brunei.



Sebuah lagi makam lama telah dijumpai di kawasan perkuburan Islam Ranggas di pinggir Bandar Seri Begawan. Pada nisan itu tertulis huruf Cina dan dibaca sebagai F'u-kung bertarikh 1264 Masihi. Tuan F'u-kung mungkin pedagang berbangsa Cina yang beragama Islam. Siapa Tuan F'u-kung juga tidak diketahui dengan pasti.

Di kawasan Muzium Brunei di Kota Batu, terdapat sebuah makam yang bertarikh tahun 836 Hijrah (1432 Masihi) yang di atasnya terakam huruf Jawi berbahasa Melayu dan Arab. Pada nisan itu juga tidak tercatat sebarang nama.

Sementara itu, di Pulau Luba yang terletak di pinggir Sungai Brunei terdapat sebuah lagi kompleks makam diraja Brunei. Salah sebuah nisan di makam itu tertulis tarikh 828 Hijrah (1428 Masihi) yang juga menggunakan tulisan Jawi berbahasa Melayu dan Arab.

Bukti-bukti epigrafi di negara Brunei Darussalam boleh memberikan kita fakta-fakta baru dalam usaha untuk menulis semula sejarah kedatangan Islam ke Nusantara ini. Perkara ini harus diberi perhatian yang serius oleh pakar-pakar sejarah tempatan. Penemuan makam-makam lama yang bertarikh awal di negara Brunei Darussalam akan dapat membantu para pengkaji ke arah itu. Dalam hubungan ini, kita tidaklah seharusnya bergantung selama-lamanya kepada pendapat-pendapat pakar-pakar sejarah dari Barat yang selama ini banyak mempengaruhi apa juga bentuk penulisan tentang sejarah dan budaya Timur, sehingga kita terikut-ikut dengan pendapat-pendapat mereka. Hal ini timbul kerana kita sendiri tidak bersungguh-sungguh menjalankan kajian dan penelitian yang dapat menghasilkan satu penulisan yang berwibawa.



5 Analisis Tulisan Pada Batu-batu Bersurat

Daripada pengamatan kami terhadap batu-batu bersurat yang telah ditemui setakat ini, kami dapat membuat kesimpulan bahawa sebahagian besar daripada batu-batu bersurat itu terdiri daripada batu nisan. Sebahagian kecil terdiri daripada batu-batu tanda atau batu peringatan yang ada kaitan dengan sesuatu peristiwa atau peraturan agama yang perlu diketahui oleh penduduk tempatan.

Kami juga mendapati hampir semua batu itu terdiri daripada batu Aceh.[1] Tulisan-tulisan yang terpahat pada batu-batu nisan ini amat penting kerana bahan tersebut catatan sejarah yang sahih. Melalui tulisan tersebut kita dapat mengetahui jurai keturunan raja-raja yang pernah memerintah beberapa buah negeri di Nusantara ini. Tulisan itu juga memaparkan pemikiran yang wujud pada zaman itu di samping nilai seni pertukangan tangan yang amat tinggi.

Epigrafi ini juga membuktikan kewujudan unsur sufisme di tanahair kita lebih awal daripada yang disangkakan oleh dua orang pakar sejarah, pasangan suami isteri iaitu B.W. dan L.Y. Andaya (1982). Mereka mendakwa bahawa tidak ada peng-

Perbincangan terperinci tentang batu Aceh dapat dilihat dalam tesis Ph.D Dr Othman Yatim, Jabatan Antropologi, Universiti Durham England 1985. Lihat juga Batu Aceh: Early Islamic Gravestones in Peninsular Malaysia juga oleh Dr Othman Yatim.

aruh sufi[2] di Semenanjung Malaysia pada zaman Kesultanan Melaka (1400—1511). Mereka membuat andaian yang demikian mungkin kerana dalam zaman Kesultanan Melaka tidak terdapat bahan-bahan bertulis bercorak sufisme sebelum kemunculan Hamzah Fansuri di Aceh dan tersebarnya pengaruh tulisan beliau ke Melaka dalam abad ke-16.[3] Andaian mereka itu disokong oleh seorang sarjana Barat, Milner (1983) yang mengatakan bahawa andainya orang ingin mencari bukti-bukti sufisme dalam bentuk tulisan di kalangan istana Pasai dan Melaka, bukti tersebut tidak akan ditemui.

Bab ini bertujuan untuk membuktikan bahawa unsur-unsur sufisme terdapat di Semenanjung Malaysia ini, khusus pada zaman Kesultanan Melaka kira-kira pada akhir abad ke-15. Perkara ini mungkin tidak disedari oleh para penulis yang tersebut di atas kerana kajian mereka berdasarkan sumber-sumber bertulis (kertas) bagi melengkapi fakta yang dapat membantu kajian tentang zaman silam. Kajian kami terhadap tulisan dan hiasan terdapat pada sejenis batu nisan lama (batu Aceh), membuktikan bahawa tulisan dan hiasan tertentu yang terukir pada batu-batu nisan tersebut memang mengandungi unsur-unsur sufisme, atau sekurang-kurangnya boleh dianggap mengandungi makna-makna yang berunsur sufisme.

Batu Aceh

Tulisan pada batu Aceh yang masih dapat dilihat di beberapa makam diraja di Pahang, Kedah, Perak, dan Johor menjadi bukti yang unggul akan ke-

Perbincangan lanjut secara umum tentang Sufisme dapat dilihat dalam Nicholson (1914, 1980), Schimmel (1975) dan Arberry (1975). Perbincangan tentang sufisme khususnya di Sumatera dapat dibaca dalam Archer (1937), manakala ulasan tentang sufisme seperti yang dimengerti dan diamalkan oleh orang-orang Melayu terdapat dalam buku yang ditulis oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas (1963).

[2]Hamzah Fansuri yang hidup di antara tahun 1550—1600 adalah seorang penulis puisi sufi yang dianggap oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas sebagai Ibn al-Arabi bagi orang-orang Melayu.

[3]Untuk membuat analisis batu-batu nisan ini dari segi sejarah dan kesenian, lihat Othman Mohd Yatim (1982).

hadiran unsur-unsur sufisme di negara ini. Mengikut kajian mutakhir, batu Aceh itu dibuat di Pasai dan Aceh, sekurang-kurangnya sejak akhir abad ketiga belas lagi. Contoh yang terawal ialah batu nisan Sultan Malik al-Salih di Pasai. Pada salah satu batu nisan yang terdapat di makam tersebut terukir tarikh 1297 Masihi. Pengaruh penggunaan batu nisan jenis ini hanya sampai ke Semenanjung Malaysia pada tahun 1475 Masihi, iaitu berdasarkan tarikh yang terukir pada batu nisan Sultan Muhammad Syah, Pahang, yang terdapat di Dunsun Pinang, Pahang Tua, Pahang. Kami beranggapan bahawa batu-batu nisan jenis ini yang mempunyai tarikh lebih awal daripada tarikh batu nisan Sultan Muhammad Syah itu, pernah wujud ataupun mungkin masih belum ditemui, barangkali ada di Melaka (berdasarkan hubungan rapat dan berterusan di antara Melaka dengan Pasai dan Aceh pada zaman silam). Satu andaian lain yang boleh dikemukakan untuk menerangkan mengapa tidak terdapat batu-batu nisan Aceh sebelum tahun 1475 Masihi ialah kerana kebanyakan batu nisan tersebut telah dimusnahkan semasa pendudukan Portugis di Melaka.

Kita mempunyai catatan Tome Pires, akauntan Portugis yang datang ke Melaka dalam tahun 1512, yang telah menulis dalam bukunya *Suma Oriental* (Cortesao, 1944; Hall, 1976) perihal bagaimana pihak berkuasa Portugis membina kota untuk mempertahankan Melaka daripada serangan Sultan Melaka dan juga serangan Aceh yang mahu menawan semula Melaka. Dikatakan bahawa bahan-bahan yang digunakan untuk membina kota itu yang kini dikenali sebagai *A Famosa* terdiri daripada batu yang terdapat pada makam diraja, masjid negeri dan istana raja Melaka yang dimusnahkan itu. Dua buah batu nisan, masing-masing kepunyaan Sultan Muzaffar Syah dan Sultan Mansur Syah yang telah mangkat dalam tahun 1477 Masihi telah ditemui berhampiran dengan runtuhan kota *A Famosa;* sebahagian daripada kota itu dimusnahkan oleh Farquhar dalam tahun 1821 (Irwin, 1983). Abdullah Munsyi (Hill, 1970) yang

menyaksikan kejadian itu melaporkan bahawa selepas ledakan besar yang menghairankan orang-orang Melaka itu, kelihatan batu-batu dari kota itu berkecai dan berterbangan ke serata arah dan ada di antaranya yang jatuh ke laut. Kini kita telah kehilangan buat selama-lamanya bukti sejarah itu kerana laut yang berhampiran dengan kota *A Famosa* telah ditambus melalui proses tebus-guna tanah.

Pengenalan Sufisme ke Alam Melayu

Pengenalan dan pengukuhan Islam di alam Melayu ini sering dikaitkan dengan peranan yang dimainkan oleh golongan sufi. Sehingga kini, belum ada lagi kata sepakat di kalangan para sarjana tentang tarikh sebenar pengaruh sufi ke sini. Snouck Hurgronje (1906) berpendapat bahawa semacam bentuk mistik (sufisme) telah diperkenalkan di alam Melayu ini serentak dengan pengenalan Islam. Sementara A.H. Johns (1961) di samping mengingatkan kita akan kepentingan pergerakan sufi di dunia Islam mulai abad ketiga belas, mengandaikan bahawa mulai abad tersebut juga Islam mula bertapak di alam Melayu. Tarikh itu berdasarkan tarikh yang terukir pada batu nisan Sultan Malik al-Salih, tetapi beliau tidak pula mengaitkan tarikh tersebut dengan unsur-unsur sufisme yang terkandung dalam tulisan yang terpahat pada batu-batu nisan yang terdapat pada makam Sultan Malik al-Salih itu.

Dengan bukti epigrafi tersebut (pada batu nisan Sultan Malik al-Salih), kami berpendapat bahawa unsur-unsur sufisme telah wujud di alam Melayu ini sejak akhir abad ketiga belas lagi dan kemudiannya berkembang ke Semenanjung Malaysia selewat-lewatnya pada suku akhir abad kelima belas.

Tulisan-tulisan Berunsur Sufisme pada Batu Aceh

Daripada sejumlah 213 pasang batu Aceh yang ditemui dan yang masih terdapat di seluruh pelosok Semenanjung Malaysia ini, 109 daripadanya mengandungi tulisan. Kandungan tulisan tersebut boleh dibahagikan kepada empat kategori yang terbesar, iaitu:

1. Petikan-petikan daripada al-Quran
2. Dua kalimah *syahadah*
3. Ungkapan-ungkapan bersajak atau puisi
4. Ungkapan semacam pantun atau seloka

Kesemua tulisan tersebut diukir secara gurisan atau tebukan ataupun secara tulisan timbul.

Petikan-petikan daripada al-Quran

Daripada 109 batu nisan Aceh yang diukir dengan tulisan, 38 daripadanya telah diukir dengan petikan ayat Quran. Ayat-ayat yang telah dipilih dipetik daripada Surah 2 ayat 255; Surah 3 ayat 17, 18, 19, 25, 26, 27 dan 185; Surah 9 ayat 128 dan 129, Surah 10 ayat 162, Surah 20 ayat 55, Surah 21 ayat 35, Surah 28 ayat 88, Surah 29 ayat 57, Surah 55 ayat 26, 27, dan 28; dan Surah 59 ayat 21, 23 dan 24.

Diperhatikan bahawa surah-surah tersebut tidak dipetik seluruhnya, kadang-kadang terdapat dua atau tiga baris ayat daripada surah yang berasingan pada batu nisan yang sama. Mungkin juga disebabkan kesuntukan ruang pada batu nisan itu terdapat petikan ayat yang terputus secara mengejut, tetapi sambungannya terdapat pada permukaan lain batu nisan yang sama. Jika petikan itu agak panjang, misalannya Surah 2 ayat 255, ayat awal biasanya diukir pada batu nisan kepala kubur dan ayat diakhiri pada batu nisan sebelah kaki.

Surah 3 ayat 18, surah 21 ayat 35 dan surah 29 ayat 57 mempunyai pengertian yang serupa iaitu *"Setiap yang bernyawa pasti akan merasai mati"*. Petikan ini terdapat pada lapan buah nisan.

Dua batu nisan yang lain diukir dengan petikan daripada Surah 2 ayat 255, iaitu Ayat Kursi, sementara petikan daripada Surah 28 ayat 88 terdapat pada dua buah nisan lagi. Surah 28 ayat 88 mempunyai maksud yang lebih kurang begini: *"Kamu dijadikan Tuhan dan kepada-Nya kamu akan dikembalikan."*

Jika diamati intisari petikan ayat daripada al-Quran itu, didapati kesemua ayat itu mempunyai tema yang sama iaitu penekanan kepada hakikat bahawa *"Hanya Allah yang wujud dan Dia menentukan destini setiap manusia"* iaitu satu fakta yang dianggap oleh Archer (1937) sebagai salah satu ciri terpenting doktrin sufi. Syed Muhammad Naquib al-Attas (1963) menambah bahawa kepada golongan sufi, kewujudan manusia secara individu tidak bebas kerana kewujudannya dan kewujudan semua benda bergantung kepada Allah. Manusia datang daripada Tuhan dan kepada-Nya mereka akan kembali.

